

ENAKMEN BEKALAN ELEKTRIK 2024

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

3. Fungsi dan kuasa

BAHAGIAN III KUMPULAN WANG ELEKTRIK

4. Sumbangan oleh pemegang lesen
5. Kumpulan Wang Elektrik
6. Pelaburan
7. Akaun

BAHAGIAN IV PEPASANGAN BERLESEN DAN BERDAFTAR

8. Lesen dikehendaki bagi penggunaan pemasangan: terma, syarat dan kandungan lesen
9. Cagaran
10. Kuasa untuk mengenakan terma atau syarat tambahan atau mengubah terma atau syarat

Seksyen

11. Pemindahmilikan lesen
12. Kehendak bagi pelesenan
13. Penggantungan dan pembatalan lesen
14. Obligasi untuk mengemukakan pelan perniagaan
15. Standard prestasi pembekalan dan perkhidmatan oleh pemegang lesen
16. Akaun tahunan yang sepatutnya oleh pemegang lesen
17. Perkiraan bagi perolehan elektrik
18. Kuasa untuk memasuki dan meneliti tanah bukan milik Kerajaan
19. Kuasa untuk memasuki tanah bukan milik Kerajaan bagi maksud pembinaan
20. Talian bekalan dan kelengkapan lain di atas tanah Kerajaan
21. Penyenggaraan, pembaikan dan peningkatan pemasangan
22. Pengalihan atau pengubahpindaan talian bekalan, dsb.
23. Kecualian bagi perjanjian izin lalu
24. Pampasan
25. Pengurangan atau pemberhentian bekalan: liabiliti
26. Sekatan penggunaan untuk maksud yang dinyatakan
27. Pengecualian kelengkapan daripada distres dan penahanan
28. Pendaftaran pemasangan
29. Pemeriksaan berkala pemasangan
30. Pengendali Sistem
31. Pembeli Tunggai

BAHAGIAN V
KAWALAN KOMPETEN

32. Orang yang menjaga

BAHAGIAN VI
PENGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CEKAP

Seksyen

33. Menteri hendaklah menetapkan standard, dsb.
34. Pemasangan hendaklah memenuhi kehendak
35. Kelengkapan hendaklah memenuhi kehendak
36. Pendaftaran orang yang memberikan perkhidmatan yang berhubungan dengan penggunaan elektrik dengan cekap

BAHAGIAN VII
PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

37. Kewajipan membekal apabila diminta
38. Kecualian kepada kewajipan membekalkan elektrik
39. Kuasa untuk menetapkan tarif dan caj
40. Pemegang lesen boleh mengenakan surcaj
41. Kuasa mendapatkan kembali perbelanjaan
42. Kuasa menghendaki cagaran
43. Pemulangan cagaran dengan faedah
44. Perjanjian pembekalan dengan pengguna
45. Perjanjian khas mengenai bekalan
46. Penentuan pertikaian
47. Pemberitahuan pertikaian dan keputusan mengikat oleh Suruhanjaya
48. Daftar keputusan
49. Penetapan harga maksimum bagi penjualan semula elektrik
50. Caj bagi bekalan elektrik hendaklah ditentukan melalui meter yang sesuai

BAHAGIAN VIII
PEMBERITAHUAN KEMALANGAN ATAU KEBAKARAN

Seksyen

51. Kemalangan serius hendaklah dilaporkan kepada, dan disiasat oleh Suruhanjaya

BAHAGIAN IX
KESELAMATAN PEPASANGAN DAN KELENGKAPAN

52. Tanggungjawab pemegang lesen terhadap keselamatan
53. Tanggungjawab pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pemegang lesen bagi jualan dan pemegang lesen bagi pemasangan persendirian bagi keselamatan
54. Menjalankan kerja elektrik
55. Kerja atau aktiviti yang tidak dibenarkan
56. Tanggungjawab yang berhubungan dengan kerja selain kerja elektrik
57. Pematuhan pemeriksaan
58. Tafsiran

BAHAGIAN X
SIASATAN

59. Tatacara berhubung dengan siasatan
60. Kuasa mengadakan siasatan

BAHAGIAN XI
KESALAHAN DAN PENALTI

61. Kesalahan
62. Kesalahan cubaan dan subahat
63. Pemotongan bekalan elektrik
64. Liabiliti tidak terjejas

Seksyen

65. Beban pembuktian
66. Pampasan kerana kerosakan
67. Penggunaan talian bekalan, dsb., bagi maksud komunikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

BAHAGIAN XII
PENGUATKUASAAN

68. Tafsiran
69. Pegawai diberi kuasa
70. Kad kuasa
71. Kuasa untuk masuk, memeriksa dan meneliti
72. Kuasa penyiasatan
73. Menggeledah dan menyita dengan waran
74. Menggeledah dan menyita tanpa waran
75. Capaian kepada data berkomputer
76. Senarai benda yang disita
77. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui tentang kes
78. Pemeriksaan orang yang mengetahui tentang kes
79. Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan
80. Pelucuthakan atau pelepasan kelengkapan, alat, dsb., yang disita
81. Kos bagi memegang kelengkapan, alat, dsb., yang disita
82. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
83. Halangan
84. Pegawai diberi kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berhubungan dengan kesalahan
85. Ganjaran untuk maklumat

BAHAGIAN XIII

AM

Seksyen

86. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
87. Pengkompaunan kesalahan
88. Pendakwaan
89. Penalti am
90. Langkah berjaga-jaga semasa melaksanakan kerja
91. Pengauditan pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik
92. Penentuan standard pemasangan atau kelengkapan
93. Penyimpanan rekod dan dokumen
94. Gangguan elektrik terhadap talian pengisyarat Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan
95. Langkah berjaga-jaga terhadap elektrik atmosfera
96. Sekatan terhadap sambungan dengan bumi
97. Tatacara dalam hal kecacatan berbahaya pada pemasangan atau bahagiannya
98. Larangan mengambil kanak-kanak bekerja
99. Pembangunan kod oleh Suruhanjaya dan pematuhan baginya
100. Penahanan dokumen oleh Suruhanjaya
101. Garis panduan atau arahan oleh Suruhanjaya
102. Perubahan, kajian semula atau pembatalan kod, garis panduan atau arahan oleh Suruhanjaya
103. Kesalahan bagi ketidakpatuhan kod, garis panduan atau arahan Suruhanjaya
104. Daftar kod, garis panduan atau arahan
105. Kuasa khas darurat
106. Kuasa untuk mengisytiharkan sumber air
107. Jaminan maklumat infrastruktur bekalan
108. Obligasi untuk memberikan maklumat
109. Pengecualian

Seksyen

110. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

BAHAGIAN XIV
KECUALIAN DAN PERALIHAN

111. Kecualian dan peralihan

112. Projek sedia ada

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT



NEGERI SABAH

Saya memperkenankan,

LS

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR
BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,
Yang di-Pertua Negeri.

3 JANUARI, 2024.

No. 17 Tahun 2023

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan pembekalan elektrik, pembekalan elektrik pada harga yang munasabah, pelesenan mana-mana pemasangan elektrik, pengawalan mana-mana pemasangan, loji dan kelengkapan elektrik berkenaan dengan perkara yang berhubung dengan keselamatan orang dan penggunaan elektrik dengan cekap dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“kawasan bekalan” ertinya kawasan yang dalamnya pemegang lesen dibenarkan untuk menjana kuasa atau membekalkan elektrik;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam atau pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri bagi maksud Enakmen ini;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya;

“Pemungut” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Ordinan Tanah [*Bab 68*];

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Tenaga Sabah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023 [*No.11 tahun 2022*];

“komunikasi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*];

“orang kompeten” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan kekompetenan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya untuk melaksanakan kerja mengikut sekatan, jika ada, yang dinyatakan dalam perakuan itu;

“konduktor” ertinya konduktor elektrik yang diatur supaya bersambung secara elektrik dengan sesuatu sistem;

“pengguna” ertinya seseorang yang dibekalkan dengan elektrik atau yang premisnya pada masa ini disambungkan bagi maksud pembekalan elektrik oleh pemegang lesen;

“kelengkapan elektrik pengguna” ertinya suatu perkakas, produk, dawai, peranti, aksesori atau apa-apa bahagiannya, yang menggunakan elektrik bervoltan rendah yang —

- (a) dijual kepada orang awam; atau
- (b) tidak memerlukan kemahiran khusus dalam pengendaliannya;

“penukaran” ertinya penukaran arus ulang-alik kepada arus terus atau sebaliknya melalui cara statik atau dinamik;

“bahaya” ertinya bahaya kepada kesihatan atau kepada nyawa atau anggota badan manusia kerana renjatan, terbakar atau kecederaan lain dan termasuklah bahaya kepada harta, pemasangan atau kelengkapan yang diakibatkan oleh penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan atau penggunaan elektrik;

“dengan curang” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*];

“Pengarah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Ordinan Tanah;

“produk elektrik” ertinya apa-apa kelengkapan, peranti atau perkakas selain kelengkapan elektrik pengguna;

“kerja elektrik” ertinya apa-apa kerja yang dilaksanakan atau yang dijalankan pada suatu pemasangan elektrik dan termasuklah pemasangan, pembinaan, pendirian atau pembaikan, pengubahan struktur, penggantian mana-mana bahagiannya, penambahan apa-apa bahagian padanya atau penjalanan apa-apa kerja bagi maksud penyenggaraannya, tetapi tidak termasuk kerja berhubungan dengan —

- (a) pengilangan suatu pemasangan elektrik atau pemasangan dalam proses, atau berkaitan dengan, pengilangannya bagi maksud menghasilkan barang baharu; atau
- (b) peminyakan, penggrisan, pembersihan atau pengecatan suatu

pepasangan elektrik;

“elektrik” ertinya tenaga elektrik atau kuasa elektrik apabila dijana, dikeluarkan, dihantar, diagihkan, dibekalkan atau digunakan bagi apa-apa maksud kecuali bagi maksud penghantaran apa-apa komunikasi atau isyarat;

“rangkaian pengagihan elektrik” ertinya sesuatu sistem atau sebahagian daripada sesuatu sistem pada voltan nominal 33 kilovolt atau ke bawah pada talian atau kabel elektrik, pencawang dan kelengkapan dan bangunan yang berkaitan bagi pengagihan elektrik tanpa mengira sama ada suatu loji jana kuasa bersambung dengan sistem itu;

“infrastruktur bekalan elektrik” ertinya —

- (a) stesen jana kuasa;
- (b) talian bekalan utama dan talian bekalan;
- (c) pencawang bagi penukaran, pengubahan atau pengawalan elektrik;
- (d) kelengkapan bagi pemeteran, pemantauan atau pengawalan elektrik; dan
- (e) apa-apa dawai, kelengkapan dan laluan termasuk terowong dan lubang atau lain-lain yang digunakan bagi, atau berkaitan dengan, penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan atau pembekalan elektrik,

pemegang lesen;

“rangkaian penghantaran elektrik” ertinya sesuatu sistem atau sebahagian daripada sesuatu sistem pada voltan nominal 34 kilovolt dan ke atas pada talian bekalan utama atau kabel, pencawang dan kelengkapan dan bangunan yang berkaitan yang digunakan bagi menyalurkan elektrik —

- (a) dari suatu stesen jana kuasa ke suatu pencawang;
- (b) dari satu stesen jana kuasa ke stesen jana kuasa yang lain;

- (c) dari satu pencawang ke pencawang yang lain;
- (d) ke atau dari mana-mana titik saling hubungan; atau
- (e) ke pengguna akhir;

“kelengkapan” termasuklah apa-apa barang bagi maksud seperti penjanakuasaan, penukaran, penghantaran, pengagihan atau penggunaan tenaga elektrik atau komunikasi seperti mesin, pengubah, radas, alat penyukat, peranti pelindung, bahan pendawaian, aksesori, produk elektrik, kelengkapan dan perkakas elektrik pengguna;

“stesen jana kuasa” ertinya suatu stesen yang terdiri daripada satu atau lebih unit jana kuasa bagi menjana kuasa elektrik, termasuk apa-apa bangunan dan loji yang digunakan bagi maksud itu, dan tapaknya, dan termasuklah tapak yang dicadangkan untuk digunakan bagi suatu stesen jana kuasa;

“unit jana kuasa” ertinya apa-apa kelengkapan yang digunakan bagi, atau bagi maksud yang berkaitan dengan, penjanakuasaan atau pengeluaran elektrik;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Negeri Sabah;

“cedera parah” dan “cedera” mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing di bawah Kanun Keseksaan;

“pemasangan” ertinya keseluruhan mana-mana loji atau kelengkapan di bawah satu pemunyaan atau, jika pengurusan ditetapkan, orang yang menjaga pengurusan itu, yang direka bentuk bagi pembekalan atau penggunaan elektrik, atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan; termasuklah unit jana kuasa, jika ada, berserta dengan semua loji, bangunan dan tanah yang perlu yang berkaitan dengannya, talian paip, talian bekalan, infrastruktur bekalan elektrik, pemasangan elektrik domestik dan bukan domestik dan radas penggunaan, jika ada;

“ditebat” ertinya disaluti atau dilindungi dengan bahan penebat;

“penebat”, apabila digunakan sebagai kata sifat untuk mencirikan apa-apa bahan, ertinya penebat daripada sekian saiz, kualiti dan binaan yang mengikut hal keadaan, dapat memberikan perlindungan yang mencukupi terhadap bahaya;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 8;

“pemegang lesen” ertinya orang yang dilesenkan di bawah seksyen 8;

“hidup” atau “bertenaga”, apabila dipakai bagi sesuatu sistem atau mana-mana bahagian sesuatu sistem, ertinya bahawa voltan wujud di antara apa-apa konduktor dengan bumi atau di antara mana-mana konduktor dengan konduktor lain dalam sistem itu;

“sesalur” ertinya talian bekalan yang menerusinya elektrik dibekalkan atau boleh dibekalkan, sama ada talian itu sedang digunakan atau tidak;

“talian bekalan utama” ertinya mana-mana rangkaian penghantaran atau pengagihan elektrik bagi menghantar elektrik dari suatu stesen jana kuasa ke stesen jana kuasa yang lain atau ke pencawang dan termasuklah apa-apa bangunan atau bahagian suatu bangunan yang digunakan berkaitan dengan talian bekalan sedemikian;

“pengurusan” ertinya orang yang ditugaskan menjaga sesuatu pemasangan;

“meter” ertinya apa-apa perkakas, alat, kelengkapan atau peranti yang digunakan bagi maksud mengukur dan merekodkan jumlah tenaga elektrik atau permintaan maksimum atau faktor kuasa atau mana-mana gabungannya termasuklah kelengkapan dan kemudahan komunikasi berkaitannya yang dikehendaki untuk memberikan akses jarak jauh kepada data yang dimeterkan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pembekalan elektrik;

“motor” ertinya motor daripada apa-apa jenis bagi mengubah tenaga elektrik kepada tenaga mekanik;

“pepasangan elektrik bukan domestik” ertinya suatu set dawai dan lekapan, kelengkapan dan aksesori yang berkaitan yang dipasang di suatu tempat bagi membawa, mengawal atau menggunakan elektrik yang sedang, atau akan, atau telah, dibekalkan bagi penggunaan di tempat itu, tetapi tidak termasuk —

- (a) apa-apa infrastruktur bekalan elektrik yang dipunyai atau dikendalikan oleh seseorang pemegang lesen;
- (b) apa-apa dawai, lekapan, kelengkapan atau aksesori yang disambungkan kepada dan melampaui apa-apa aliran keluar elektrik di mana pendawaian tetap tamat, selain apa-apa aliran keluar yang digunakan untuk menyambungkan bahagian pendawaian tetap; atau
- (c) premis kediaman persendirian;

“pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik” ertinya seseorang yang mempunyai, menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan pemasangan elektrik bukan domestik;

“faktor kuasa” ertinya nisbah kuasa aktif pada kuasa ketara;

“kualiti kuasa” ertinya ciri-ciri elektrik pada titik yang diberikan pada suatu sistem elektrik, yang dinilai dengan membandingkannya dengan suatu set parameter rujukan teknikal seperti magnitud voltan dan arus, frekuensi atau bentuk gelombang;

“sistem kuasa” ertinya sesuatu sistem gabungan yang terdiri daripada suatu rangkaian penghantaran elektrik, rangkaian pengagihan elektrik dan stesen jana kuasa yang bersambung dengan rangkaian

penghantaran elektrik itu dan termasuklah sebahagian daripada sistem itu;

“pepasangan persendirian” ertinya pemasangan yang dikendalikan oleh pemegang lesen atau pemunya semata-mata bagi membekalkan elektrik kepada, dan penggunaannya di atas harta atau premis pemegang lesen atau pemunya itu sendiri, atau, dalam hal seorang pengguna, yang mengambil elektrik daripada pemasangan awam bagi kegunaan hanya di atas harta atau premis pemegang lesen atau pemunya sahaja;

“keselamatan diri” ertinya penghindaran bahaya kepada individu atau kepada harta persendirian;

“pepasangan awam” ertinya pemasangan yang dikendalikan oleh pemegang lesen bagi membekalkan elektrik kepada mana-mana orang selain daripada pemegang lesen;

“lampu awam” ertinya lampu elektrik yang digunakan untuk menerangi mana-mana jalan atau tempat awam yang lain;

“keselamatan awam” ertinya penghindaran bahaya kepada orang awam, kepada harta awam dan kepada jalan, rel keretapi, lapangan terbang, pelabuhan, terusan, limbungan, dermaga, pangkalan, jambatan, kerja gas dan perlengkapannya dan talian telegraf, talian telefon dan talian pengisyarat elektrik lain;

“Pendaftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Ordinan Tanah;

“tanah rizab” ertinya tanah yang dirizabkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

“jualan” ertinya aktiviti membekal dan menjual elektrik kepada pengguna akhir;

“mengasingkan” ertinya mengenal pasti dan memencilkan aktiviti, aset, kos, hasil dan obligasi perkhidmatan Pengendali Sistem atau Pembeli Tunggal daripada pemegang lesen yang disebut masing-masing dalam seksyen 30 dan 31 melalui pemisahan perakaunan, kewangan atau perundangan atau cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk memastikan pengurusan Pengendali Sistem atau Pembeli Tunggal boleh bertindak secara bebas daripada aktiviti di bawah lesen pemegang lesen dan untuk memudahkan kos optimum penjanakuasaan, persaingan yang berkesan dan meningkatkan ketelusan dalam pengendalian sistem kuasa;

“pelan pengurusan keselamatan” ertinya pelan pengurusan keselamatan, kebolehpercayaan, penyenggaraan dan teknikal berkenaan dengan infrastruktur bekalan elektrik;

“program pengurusan keselamatan” ertinya program pengurusan keselamatan, kebolehpercayaan, penyenggaraan dan teknikal berkenaan dengan pemasangan elektrik bukan domestik;

“Pembeli Tunggal” ertinya mana-mana orang atau sesuatu unit, jabatan atau bahagian yang membentuk sebahagian daripada pemegang lesen yang diberi kuasa di bawah subseksyen 31(1) bertanggungjawab bagi pengurusan pemerolehan elektrik dan perkhidmatan yang berkaitan, yang termasuklah perancangan, penjadualan, pemerolehan dan penyelesaian, dan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya;

“tanah Kerajaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Ordinan Tanah;

“lebu” atau “jalan” termasuklah mana-mana lebu raya, lebu, jalan, jambatan, jalan tembus, barisan, medan, halaman, jalan kecil, lorong, jalan enam kaki, siar kaki, jalan lalu atau tempat terbuka sama ada terletak di atas tanah yang dipajakkan daripada Negeri atau tidak, digunakan dan didatangi oleh orang awam atau yang kepadanya orang awam mempunyai, atau dibenarkan untuk mempunyai akses;

“talian bekalan” ertinya konduktor atau konduktor-konduktor atau kaedah lain untuk menyampaikan, menghantar atau mengagihkan elektrik, berserta dengan apa-apa selongsong, salutan, penutup, tiub, paip, penebat atau tiang yang mengepungi, mengelilingi atau menopangi konduktor atau kaedah itu atau mana-mana bahagiannya, atau mana-mana bangunan atau kelengkapan yang bersambung dengannya bagi maksud mengubah, menyampai, menghantar atau mengagihkan elektrik;

“sistem” ertinya sistem elektrik yang di dalamnya semua konduktor dan kelengkapan disambungkan secara elektrik atau magnet;

“Pengendali Sistem” ertinya mana-mana orang atau sesuatu unit, jabatan atau bahagian yang membentuk sebahagian daripada pemegang lesen yang diberi kuasa di bawah subseksyen 30(1) bertanggungjawab bagi jaminan sistem, perancangan pengendalian, penghantaran unit jana kuasa, pengendalian masa nyata dan pengawalan sistem kuasa dan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya;

“hakmilik” ertinya dokumen hakmilik yang disimpan oleh Pendaftar; dan

“pengubahan” ertinya pengubahan voltan daripada voltan rendah kepada voltan yang lebih tinggi atau sebaliknya.

BAHAGIAN II

FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

Fungsi dan kuasa

3. Suruhanjaya hendaklah menjalankan apa-apa fungsi dan kuasa yang berikut:

(a) untuk mengeluarkan lesen di bawah seksyen 8 Enakmen ini;

- (b) untuk menjalankan fungsi pengawalseliaan berkenaan dengan perkhidmatan mengadakan elektrik oleh pemegang lesen termasuk menentukan standard pembekalan dan perkhidmatan, standard prestasi dan standard kemudahan dan perkhidmatan dan penguatkuasaannya;
- (c) untuk menggalakkan persaingan dalam penjanakuasaan dan pembekalan elektrik untuk, antara lainnya, memastikan kos optimum penjanakuasaan dan pembekalan elektrik pada harga yang munasabah;
- (d) untuk menjalankan fungsi pengawalseliaan berkenaan dengan kepentingan pengguna dan penguatkuasaan berkenaan dengan —
 - (i) harga yang akan dikenakan dan syarat lain bagi bekalan elektrik;
 - (ii) keberterusan bekalan elektrik;
 - (iii) kualiti perkhidmatan bekalan elektrik yang disediakan; dan
 - (iv) kualiti bekalan elektrik yang termasuklah kebolehpercayaan dan kualiti kuasa;
- (e) untuk memastikan bahawa segala tuntutan yang munasabah bagi elektrik dipenuhi;
- (f) untuk mengawal selia aktiviti pemegang lesen supaya semua permintaan yang munasabah bagi elektrik dipenuhi;
- (g) untuk memastikan bahawa pemegang lesen dapat membiayai perjalanan aktiviti yang dibenarkan oleh lesen mereka untuk dijalankan;
- (h) untuk menggalakkan dan menggiatkan penjanakuasaan elektrik bagi tujuan kemajuan ekonomi Sabah;
- (i) untuk menggalakkan pembangunan dan penyenggaraan sistem yang selamat dan berkesan bagi penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan dan pembekalan elektrik kepada pengguna dan

- penambahbaikan kehendak keselamatan yang berterusan;
- (j) untuk menguatkuasakan standard bagi pemasangan elektrik dan infrastruktur bekalan elektrik pemegang lesen, produk elektrik dan kelengkapan elektrik pengguna;
 - (k) untuk mengawal selia lat tempoh dan cara bagaimana apa-apa pemasangan atau kelengkapan elektrik hendak diperiksa;
 - (l) untuk mencipta jenis ujian yang akan digunakan dan untuk menetapkan kelayakan dan pengalaman praktik yang minimum bagi apa-apa maksud menurut Enakmen ini;
 - (m) untuk menyiasat apa-apa kemalangan atau kebakaran yang melibatkan apa-apa pemasangan elektrik;
 - (n) untuk mengadakan peruntukan, jika perlu, bagi pendaftaran apa-apa pemasangan, orang yang memberikan perkhidmatan yang berhubungan dengan penggunaan elektrik dengan cekap, unit pendawaian persendirian, kontraktor elektrik, kontraktor perkhidmatan elektrik, kontraktor pembaikan elektrik, pengilang dan pengimport, pusat atau institusi latihan dan pemeriksaan, badan penilaian pematuhan dan mana-mana orang yang kompeten, sebagaimana yang ditetapkan;
 - (o) untuk menetapkan standard dan spesifikasi minimum dan menaksirkan serta meluluskan, jika perlu, apa-apa pemasangan atau kelengkapan elektrik;
 - (p) untuk menggalakkan penggunaan elektrik dengan cekap;
 - (q) untuk mengkaji semula atau mengaudit apa-apa maklumat yang dikehendaki untuk diberikan oleh pemegang lesen kepada Suruhanjaya;
 - (r) untuk mengaudit atau menyebabkan supaya diaudit aktiviti mana-mana pemegang lesen atau mana-mana orang yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan
 - (s) untuk menjalankan segala aktiviti lain sebagaimana yang

didapati oleh Suruhanjaya adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi maksud menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasanya di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN III

KUMPULAN WANG ELEKTRIK

Sumbangan oleh pemegang lesen

4. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah, jika dikehendaki oleh Menteri di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini atau melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menurut syor yang dibuat oleh Suruhanjaya, menguntukkan dan membayar ke dalam Kumpulan Wang Elektrik di bawah seksyen 5, mengikut apa-apa cara dan pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan atau perintah itu.

(2) Atas syor Suruhanjaya, Menteri boleh menggantung atau membatalkan kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1).

Kumpulan Wang Elektrik

5. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Elektrik” ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Suruhanjaya.

(2) Kumpulan Wang Elektrik hendaklah terdiri daripada —

- (a) apa-apa jumlah wang yang diuntukkan dan dibayar oleh pemegang lesen menurut seksyen 4;
- (b) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Dewan Undangan bagi maksud Kumpulan Wang Elektrik dari semasa ke semasa;
- (c) semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada

pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Elektrik, termasuk faedah pendapatan; dan

(d) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang Elektrik.

(3) Kumpulan Wang Elektrik hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

(a) untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna; atau

(b) apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

Pelaburan

6. (1) Wang dalam Kumpulan Wang Elektrik hendaklah, setakat yang tidak dikehendaki atau tidak dengan serta-merta dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Suruhanjaya bagi maksud subseksyen 5(3), dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

(2) Suruhanjaya hendaklah membuka dan menyenggara suatu akaun atau akaun-akaun untuk memegang wang dalam Kumpulan Wang Elektrik dengan mana-mana institusi kewangan atau institusi-institusi kewangan di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya, selepas berunding dengan Menteri dan Menteri Kewangan, dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

Akaun

7. (1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan supaya disimpan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang Elektrik dan laporan yang sepatutnya mengenai aktivitiya berkenaan dengan Kumpulan Wang Elektrik itu dan

hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya tahun kewangan Suruhanjaya, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu —

- (a) suatu penyata akaun yang hendaklah termasuk kunci kira-kira dan akaun bagi sumbangan dan perbelanjaan; dan
- (b) suatu pernyataan mengenai aktivitinya.

(2) Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan Dewan Undangan.

BAHAGIAN IV

PEPASANGAN BERLESEN DAN BERDAFTAR

Lesen dikehendaki bagi penggunaan pemasangan: terma, syarat dan kandungan lesen

8. (1) Tiada seorang pun boleh —

- (a) menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan atau membenarkan untuk digunakan, dikerjakan atau dikendalikan apa-apa pemasangan; atau
- (b) membekalkan elektrik daripada mana-mana pemasangan kepada, atau bagi kegunaan, mana-mana orang lain,

melainkan jika dia memegang suatu lesen.

(2) Lesen boleh diberikan oleh Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, apabila dibayar apa-apa fi dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang didapati perlu atau suai manfaat.

(3) Suruhanjaya boleh, sama ada notis telah diserahkan atau tidak,

mengenakan suatu surcaj bagi pembayaran lewat fi yang kena dibayar oleh seseorang pemegang lesen kepada Suruhanjaya, pada kadar satu peratus sebulan atau sebahagian daripada satu bulan atas fi sedemikian atau pada apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditetapkan.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), Suruhanjaya boleh memberikan suatu lesen apabila fi dibayar dan atas apa-apa syarat sebagaimana yang didapati perlu atau suai manfaat berkenaan dengan apa-apa pemasangan yang ditetapkan.

(5) Apa-apa lesen bagi suatu pemasangan awam hendaklah menyatakan —

- (a) kawasan bekalan;
- (b) voltan yang ditentukan dan variasi yang dibenarkan daripadanya;
- (c) caj maksimum yang kena dibayar oleh pengguna; dan
- (d) apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(6) Tempoh lesen adalah selama apa-apa tempoh yang diluluskan oleh Suruhanjaya, dengan syarat bahawa, tanpa kelulusan nyata daripada Menteri, tiada lesen boleh mempunyai tempoh melebihi dua puluh satu tahun.

(7) Mana-mana orang yang melanggar —

- (a) perenggan (1)(a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan;
- (b) perenggan (1)(b) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang

berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(8) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalam lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Cagaran

9. (1) Sebelum mengeluarkan apa-apa lesen, Suruhanjaya boleh menghendaki apa-apa cagaran sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya diberikan bagi pematuhan yang wajar akan terma dan syarat lesen dan Enakmen ini.

(2) Jika suatu lesen dibatalkan di bawah seksyen 13, cagaran hendaklah terlucut hak sebagaimana yang disifatkan patut oleh Suruhanjaya.

Kuasa untuk mengenakan terma atau syarat tambahan atau mengubah terma atau syarat

10. Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, pada bila-bila masa —

- (a) mengenakan apa-apa terma atau syarat tambahan ke atas lesen yang diberikan di bawah seksyen 8; atau
- (b) mengubah apa-apa terma atau syarat yang dikenakan ke atas lesen yang diberikan di bawah seksyen 8.

Pemindahmilikan lesen

11. (1) Pemberian suatu lesen di bawah seksyen 8 hendaklah bersifat peribadi bagi pemegang lesen dan lesen itu tidak boleh diserahkan atau dipindahmilikkan kepada mana-mana orang lain kecuali dengan

kelulusan bertulis Menteri.

(2) Pemegang lesen yang menyerahhakkan atau memindahmilikkan lesennya kepada mana-mana orang lain tanpa kelulusan bertulis Menteri melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kehendak bagi pelesenan

12. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain Enakmen ini, jika pada bila-bila masa Suruhanjaya mendapati bahawa seseorang pemegang lesen tidak mematuhi apa-apa kehendak atau memenuhi apa-apa kewajipan atau obligasinya di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini atau syarat lesen, Suruhanjaya boleh menghendaki pemegang lesen itu untuk membetulkan ketidakpatuhan itu atau untuk mematuhi kehendak, kewajipan atau obligasi atau syarat lesen itu dalam tempoh yang dinyatakan.

(2) Pemegang lesen yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mematuhi dan mengemukakan laporan pematuhan berkala tentang langkah yang diambil sehingga memuaskan hati Suruhanjaya.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Penggantungan dan pembatalan lesen

13. (1) Suruhanjaya boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen telah melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini;

- (b) pemegang lesen tidak mematuhi mana-mana syarat lesen itu;
- (c) pemegang lesen telah ingkar membayar apa-apa wang yang kena dibayar di bawah Enakmen ini;
- (d) pemegang lesen telah terhenti menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan pemasangan atau membekalkan elektrik yang dia diberi kuasa untuk melakukannya di bawah lesen;
- (e) pemegang lesen telah gagal atau enggan untuk menjalankan kewajibannya yang ditetapkan dalam lesen;
- (f) pemegang lesen telah mendapatkan lesen itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
- (g) pemegang lesen telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini;
- (h) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesai sementara atau pegawai yang seumpamanya telah dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen dan pelantikan sedemikian tidak dibatalkan atau diumumkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan itu; atau
- (i) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran pada pihak pemegang lesen atau telah wujud suatu perubahan dalam hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen tidak lagi berhak untuk diberikan lesen di bawah Enakmen ini.

(2) Sebelum Suruhanjaya membuat keputusan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah memberi pemegang lesen itu —

- (a) suatu notis bertulis mengenai niatnya untuk menggantung lesen itu; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari.

(3) Selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Suruhanjaya hendaklah, selepas menimbangkan representasi bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen di bawah subseksyen (2), sekiranya ada, memutuskan sama ada untuk menggantung atau membatalkan lesen itu.

(4) Suruhanjaya hendaklah memberi pemegang lesen notis bertulis mengenai keputusannya di bawah subseksyen (3) dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(5) Jika lesen telah digantung atau dibatalkan atas alasan bahawa pemegang lesen telah berhenti mengerjakan atau mengendalikan sesuatu pemasangan, pemegang lesen itu boleh, jika dia berpendapat bahawa dia telah menanggung atau akan menanggung kesusahan tidak berpatutan disebabkan oleh penggantungan atau pembatalan itu, merayu kepada Menteri terhadap penggantungan atau pembatalan itu, dan keputusan Menteri mengenai rayuan itu adalah muktamad.

(6) Pemegang lesen tidak berhak kepada pampasan bagi apa-apa kerugian yang disebabkan kepadanya oleh penggantungan atau pembatalan lesen di bawah seksyen ini.

(7) Apabila sesuatu lesen dibatalkan, pemegang lesen hendaklah mengalihkan pemasangan dan kelengkapannya dalam masa tiga bulan dari tarikh pembatalan itu, yang kegagalannya hendaklah menjadikan pemegang lesen bertanggung bagi segala apa jua pun kos yang dilakukan dalam mengalihkan pemasangan dan kelengkapan itu dan kos itu boleh didapati kembali daripada cagaran yang didepositkan (jika ada) di bawah seksyen 9.

Obligasi untuk mengemukakan pelan perniagaan

14. (1) Suruhanjaya boleh meminta mana-mana pemegang lesen untuk mengemukakan rancangan perniagaan boleh pinda tiga tahun, atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, yang dikemaskinikan atas asas tahunan atau apa-apa tempoh masa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya mengikut tatacara yang

diperuntukkan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Standard prestasi pembekalan dan perkhidmatan oleh pemegang lesen

15. (1) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan kod, garis panduan atau arahan mengenai apa-apa standard prestasi pembekalan dan perkhidmatan untuk dilaksanakan oleh pemegang lesen termasuk tatacara bagi —

- (a) memenuhi dengan munasabah kehendak pengguna;
- (b) pengendalian aduan dan pertikaian pengguna;
- (c) tatacara bagi pampasan pengguna dalam hal pelanggaran standard prestasi atau pelanggaran mana-mana obligasi pemegang lesen di bawah Enakmen; dan
- (d) perlindungan maklumat pengguna.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya menurut seksyen ini berkenaan dengan apa-apa kegagalan oleh mana-mana pemegang lesen untuk memenuhi standard yang disebut dalam subseksyen (1), tidak boleh menjejaskan atau menyentuh apa-apa remedi lain yang mungkin ada berkenaan dengan tindakan atau peninggalan oleh pemegang lesen yang menjadi kegagalan itu di bawah mana-mana undang-undang lain termasuk Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*].

(3) Suruhanjaya boleh mengarahkan pemegang lesen untuk memberikan apa-apa maklumat tentang tahap prestasi yang dicapai dan perkhidmatan yang disediakan berkenaan dengan standard yang disebut dalam subseksyen (1) kepada pengguna atau bakal pengguna.

(4) Pemegang lesen hendaklah menyiarkan standard perkhidmatan

penggunanya sendiri mengikut kod, garis panduan atau arahan yang disebut dalam subseksyen (1).

(5) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Akaun tahunan yang sepatutnya oleh pemegang lesen

16. (1) Pemegang lesen hendaklah menyimpan dan menyenggara akaun aktiviti tahunan yang sepatutnya di bawah lesen yang mengandungi butir-butir yang mencukupi sebagaimana yang dikehendaki mengenai apa-apa hasil, kos, aset, liabiliti, rizab atau apa-apa perkara lain yang berkaitan.

(2) Akaun itu hendaklah juga mengikut apa-apa garis panduan atau arahan sebagaimana yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, dari semasa ke semasa, kepada pemegang lesen dan akaun itu hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dengan sewajarnya.

Perkiraan bagi perolehan elektrik

17. Dalam menjalankan fungsinya di bawah perenggan 3(d), apa-apa perkiraan oleh pemegang lesen atau Pembeli Tunggal bagi perolehan elektrik melalui rangkaian penghantaran elektrik, hendaklah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

Kuasa untuk memasuki dan meneliti tanah bukan milik Kerajaan

18. (1) Bilamana didapati oleh pemegang lesen bahawa akan menjadi perlu baginya untuk menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Enakmen ini berkenaan dengan mana-mana tanah selain tanah Kerajaan bagi maksud membina suatu pemasangan atau sebahagian daripada suatu pemasangan, pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh, selepas memberikan notis tidak kurang daripada dua puluh empat jam kepada pemunya, pegawai atau mana-mana orang yang menjaga tanah itu, jika ada, memasuki tanah itu, membuat pengukuran dan mengambil aras dan

melakukan segala perbuatan lain yang perlu untuk memastikan kesesuaian tanah, setakat yang mungkin tanpa menyebabkan kerosakan atau gangguan.

(2) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai membenarkan mana-mana orang memotong atau membuang apa-apa tumbuhan atau apa-apa pagar atau binaan lain atau memasuki mana-mana bangunan atau apa-apa kepungan yang dipasang pada mana-mana bangunan.

Kuasa untuk memasuki tanah bukan milik Kerajaan bagi maksud pembinaan

19. (1) Bilamana perlu berbuat demikian bagi maksud memasang apa-apa sistem pembekalan elektrik di bawah Enakmen ini, pemegang lesen boleh meletakkan, menempatkan atau membawa di atas, di bawah atau melalui mana-mana tanah, selain tanah Kerajaan, apa-apa tiang dan kelengkapan lain yang perlu atau patut bagi maksud pemasangan berlesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan boleh mengambil apa-apa tindakan lain yang perlu untuk menjadikan pemasangan itu selamat dan cekap, dengan membayar pampasan penuh mengikut seksyen 24 kepada semua orang yang berkepentingan kerana apa-apa gangguan, kerosakan atau ketidakupayaan yang mungkin disebabkan olehnya.

(2) Sebelum memasuki mana-mana tanah bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (1), pemegang lesen hendaklah memberi notis yang menyatakan, dengan sepenuhnya dan setepatnya yang mungkin, jenis dan takat tindakan yang dicadangkan hendak dilakukan.

(3) Notis yang diberikan di bawah subseksyen (2) hendaklah dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Pemungut hendaklah menyiasat apa-apa bantahan yang mungkin telah dibuat sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

(4) Notis yang disebut terdahulu hendaklah diberikan kepada pemunya, pegawai atau mana-mana orang lain yang menjaga tanah itu dan boleh dihantar melalui pos berdaftar atau ditinggalkan di tempat tinggal biasa atau yang akhir sekali diketahui bagi orang yang kepadanya notis itu

hendak diberikan.

(5) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (4) boleh, dalam masa empat belas hari selepas menerima notis di bawah subseksyen (2), menyerahkan suatu bantahan terhadap tindakan yang dicadangkan oleh pemegang lesen kepada Pemungut secara bertulis.

(6) Jika tiada bantahan diserahkan di bawah subseksyen (5), pemegang lesen boleh dengan serta-merta memasuki tanah itu dan melakukan segala atau mana-mana tindakan yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(7) Jika bantahan diserahkan dan tidak ditarik balik sebelum tarikh yang ditentukan bagi pendengarannya, Pemungut hendaklah mengadakan suatu siasatan yang menghendaki pemunya, pegawai atau mana-mana orang yang menjaga tanah untuk memberi tunjuk sebab mengapa pemegang lesen tidak boleh memasuki tanah itu, dengan memberi semua pihak peluang untuk didengar.

(8) Apabila tamatnya siasatan itu Pemungut boleh, sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada apa-apa terma, syarat dan ketetapan yang difikirkannya patut, membuat perintah yang membenarkan atau melarang mana-mana tindakan yang disebut dalam notis yang diberi di bawah subseksyen (2), perintah itu hendaklah dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(9) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan perintah Pemungut boleh dalam masa dua puluh satu hari selepas perintah itu merayu terhadap perintah sedemikian kepada Pengarah yang kemudiannya boleh mengesahkan, mengetepikan atau mengubah perintah itu atas apa-apa terma, syarat dan ketetapan yang difikirkannya patut.

(10) Pemungut boleh, jika difikirkannya patut, sebagai ganti daripada membuat suatu perintah di bawah subseksyen (8), memutuskan mana-mana tanah atau bahagian mana-mana tanah yang termasuk dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen (2) diambil mengikut tatacara di

bawah Ordinan Pengambilan Tanah [*Bab 69*].

(11) Keputusan Pengarah di bawah seksyen ini adalah muktamad.

(12) Walau apa pun mana-mana peruntukan Ordinan Tanah, Pendaftar —

- (a) apabila dikemukakan kepadanya notis yang dikeluarkan oleh pemegang lesen di bawah subseksyen (2) berserta dengan pernyataan oleh Pemungut bahawa tiada bantahan telah diserahkan oleh mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (4); atau
- (b) apabila dikemukakan kepadanya perintah yang dibuat di bawah subseksyen (8) dan apabila salinan terperaku bagi perintah itu disimpan dengannya,

hendaklah menyebabkan suatu nota mengenai kewujudan hak di bawah notis atau perintah itu dibuat pada hakmilik yang berhubungan dengan tanah yang terjejas oleh notis atau perintah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Talian bekalan dan kelengkapan lain di atas tanah Kerajaan

20. (1) Tertakluk kepada kelulusan Kerajaan dan atas apa-apa syarat sebagaimana yang disifatkan wajar oleh Kerajaan, sesuatu lesen boleh meliputi untuk membenarkan pemegang lesen meletakkan, menempatkan atau membawa, di atas, di bawah atau melalui tanah Kerajaan, talian bekalan itu dan mendirikan dan menyenggarakan di dalam atau di atas tanah Kerajaan apa-apa tiang dan kelengkapan lain sebagaimana yang didapati perlu atau patut oleh Suruhanjaya bagi maksud pemasangan berlesen.

(2) Segala kelengkapan yang ditempatkan dalam atau atas tanah Kerajaan yang tidak dialihkan daripadanya dalam masa enam bulan, atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Kerajaan, selepas habisnya tempoh atau penamatan awal lesen hendaklah terletak hak pada dan menjadi harta Kerajaan.

Penyenggaraan, pembaikan dan peningkatan pemasangan

21. (1) Bilamana perlu berbuat demikian bagi maksud menyenggarakan, membaiki atau meningkatkan mana-mana pemasangan berlesen atau mana-mana bahagian daripadanya, pemegang lesen, atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu, boleh pada bila-bila masa yang munasabah memasuki mana-mana tanah yang di atas, di bawah atau melaluinya talian bekalan telah diletakkan, ditempatkan atau dibawa, atau yang di atasnya tiang atau kelengkapan lain telah didirikan, dan boleh menjalankan segala pembaikan yang perlu, dan boleh, dalam menjalankannya, menebang atau mencantas pokok, membuang tumbuhan dan melakukan segala perkara lain yang perlu bagi maksud tersebut, dengan menyebabkan seberapa sedikit kerosakan yang mungkin dan membayar pampasan penuh mengikut seksyen 24 kepada semua orang yang berkepentingan kerana apa-apa kerosakan yang mungkin disebabkan olehnya yang pampasan baginya belum lagi ditaksirkan di bawah seksyen 19.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pemegang lesen boleh mengganggu bekalan elektrik kepada pengguna.

Pengalihan atau pengubahpindaan talian bekalan, dsb.

22. (1) Jika talian bekalan telah diletakkan, atau tiang atau kelengkapan didirikan, di atas mana-mana tanah di bawah seksyen 19, dan jika mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 19(4) berhasrat untuk menggunakan tanah itu mengikut cara yang menjadikannya perlu atau wajar supaya talian bekalan, tiang atau kelengkapan itu dialihkan ke bahagian lain tanah itu, atau ke tanah yang arasnya adalah lebih tinggi atau lebih rendah, atau diubah pinda bentuknya, dia boleh menghendaki pemegang lesen mengalihkan atau mengubah pinda talian bekalan, tiang atau kelengkapan itu dengan sewajarnya.

(2) Jika pemegang lesen tidak mematuhi kehendak itu, orang itu boleh memohon secara bertulis kepada Pengarah yang boleh, menurut budi bicaranya, selepas menyiasat segala fakta hal itu, menolak permohonan itu atau membuat suatu perintah, sama ada secara mutlak atau tertakluk

kepada syarat tertentu, bagi pengalihan atau pengubahpindaan talian bekalan, tiang atau kelengkapan itu dan perintah itu hendaklah memperuntukkan mengenai pembayaran kos melaksanakan pengalihan atau pengubahpindaan oleh pemegang lesen atau oleh orang yang membuat permohonan, sebagaimana yang Pengarah berpendapat adalah saksama mengikut hal keadaan hal itu.

(3) Bilamana Pengarah telah membuat suatu perintah bagi pengalihan atau pengubahpindaan mana-mana talian bekalan utama, pemegang lesen boleh, daripada mengalihkan atau mengubah pinda talian bekalan itu, memohon kepada Pengarah bagi pengambilan tanah itu sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud talian bekalan itu.

(4) Talian bekalan yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah disifatkan sebagai suatu kerja kemudahan awam dan Ordinan Pengambilan Tanah hendaklah dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

(5) Bilamana talian bekalan telah diletakkan, atau tiang atau kelengkapan didirikan, atas tanah Kerajaan oleh pemegang lesen dan tanah itu kemudiannya diberi milik kepada mana-mana orang, pemunya atau penghuni tanah itu boleh, melainkan jika terma pemberimilikan itu secara nyata memperuntukkan selainnya, menghendaki pengalihan talian bekalan itu ke bahagian lain tanah itu, atau ke tanah yang arasnya adalah lebih tinggi atau lebih rendah, atau pengubahpindaan talian bekalan, tiang atau kelengkapan itu, dan subseksyen (1) hingga (4) hendaklah terpakai bagi apa-apa kehendak sedemikian dan kos melaksanakan pengalihan atau pengubahpindaan itu hendaklah dibayar oleh orang yang berkehendakkan pengalihan atau pengubahpindaan itu.

Kecualian bagi perjanjian izin lalu

23. (1) Tiada apa-apa jua dalam seksyen 19 atau 22 boleh —

- (a) menyentuh hak pemegang lesen untuk membuat suatu perjanjian, yang umumnya dikenali sebagai perjanjian izin lalu, dengan pemunya atau penghuni mana-mana tanah bagi

maksud membawa talian bekalan merentangi tanah itu; atau

- (b) menyentuh apa-apa perjanjian izin lalu sedemikian yang ada pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, Pendaftar, apabila dikemukakan kepadanya salinan asal dan disimpan dengannya salinan terperaku bagi apa-apa perjanjian sedemikian yang disebut dalam subseksyen (1), hendaklah menyebabkan suatu nota mengenai kewujudan perjanjian izin lalu itu dibuat pada hakmilik yang berhubungan dengan tanah yang terlibat dengan perjanjian izin lalu itu.

(3) Selagi masih terdapat suatu nota yang dibuat menurut subseksyen (2) pada hakmilik, segala urusan niaga berkenaan dengan tanah yang dimaksudkan oleh nota itu hendaklah disifatkan tertakluk kepada hak pemegang lesen di bawah dan menurut kuasa perjanjian izin lalu yang berkenaan dengannya nota itu telah dibuat.

Pampasan

24. (1) Amaun pampasan, jika ada, yang kena dibayar di bawah seksyen 19 atau 21 hendaklah ditaksirkan oleh Pemungut selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya mencukupi dan taksiran itu hendaklah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Tiada pampasan kena dibayar oleh pemegang lesen berkenaan dengan apa-apa pokok dalam jarak lima puluh kaki dari garis tengah sesuatu jalan yang dibina atau disenggarakan oleh Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan melainkan jika dibuktikan bahawa pokok itu telah sedia ada sebelum pembinaan jalan itu.

(3) Mana-mana orang yang terkilan dengan taksiran Pemungut boleh dalam masa dua puluh satu hari selepas taksiran itu merayu kepada Pengarah yang keputusannya adalah muktamad.

Pengurangan atau pemberhentian bekalan: liabiliti

25. (1) Mana-mana pemegang lesen boleh mengurangkan, sebagaimana yang difikirkannya patut, kuantiti elektrik yang dibekalkan kepada mana-mana pengguna jika disebabkan oleh apa-apa hal keadaan yang di luar jangkaan elektrik yang dijanakusakan tidak mencukupi untuk membolehkan kuantiti sepenuhnya dibekalkan dengan mudah.

(2) Jika kuantiti elektrik telah dikurangkan seperti yang disebut terdahulu —

- (a) tiada liabiliti boleh ditanggung oleh pemegang lesen berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pengurangan itu; dan
- (b) dalam hal yang wajar, suatu potongan pada caj bagi bekalan elektrik hendaklah dibuat berkadaran dengan pengurangan yang dibuat.

(3) Mana-mana pemegang lesen tidak bertanggung bagi apa-apa kerosakan kepada mana-mana orang atau apa-apa harta atau bagi apa-apa pemberhentian bekalan elektrik yang mungkin disebabkan oleh kemalangan yang tidak dapat dielakkan, rosak rosot biasa atau beban berlebihan diakibatkan oleh sambungan kelengkapan yang tidak dibenarkan, atau disebabkan oleh kehendak munasabah sistem itu, atau disebabkan oleh kecacatan pada mana-mana pemasangan yang tidak disediakan oleh pemegang lesen, tetapi hanya akan bertanggung apabila kerosakan atau pemberhentian itu ditunjukkan adalah akibat daripada kecuaihan pihak orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen, ejen atau pekhidmatnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau diakibatkan oleh pembinaan tidak sempurna pemasangan itu oleh pemegang lesen.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (3), pemegang lesen hendaklah membetulkan dan membaiki apa-apa kerosakan untuk memastikan keberterusan pembekalan elektrik dan, jika berkenaan, membayar pampasan bagi apa-apa kerosakan dalam tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya jika ditunjukkan kerosakan itu adalah akibat

daripada kecuaiian pemegang lesen, ejen atau pekerjanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sekatan penggunaan untuk maksud yang dinyatakan

26. Seorang pemegang lesen yang, melalui syarat lesennya, disekat untuk menggunakan atau membekalkan elektrik bagi maksud yang dinyatakan sahaja, tidak boleh menggunakan atau membekalkan elektrik bagi apa-apa maksud selain maksud yang dinyatakan sedemikian.

Pengecualian kelengkapan daripada distres dan penahanan

27. Apabila apa-apa kelengkapan elektrik kepunyaan seorang pemegang lesen telah ditempatkan dalam atau di premis yang tidak dipunyai atau diduduki oleh pemegang lesen bagi maksud pembekalan atau penyukatan elektrik, kelengkapan itu tidak boleh dikenakan distres ataupun diambil sebagai pelaksanaan di bawah apa-apa proses mahkamah atau dalam apa-apa prosiding kebangkrapan atau ketidaksolvenan terhadap mana-mana orang.

Pendaftaran pemasangan

28. (1) Sebelum siapnya sesuatu pemasangan baharu, selain pemasangan yang dikendalikan atau dipunyai oleh pemegang lesen, pemunya pemasangan hendaklah mengemukakan, dengan pendua, kepada Suruhanjaya, suatu permohonan bagi pendaftaran dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan pemeriksaan dan ujian dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan, jika pemasangan itu memuaskan kehendak Enakmen ini, hendaklah mengeluarkan atau menyebabkan supaya dikeluarkan Perakuan Pendaftaran dalam bentuk yang ditetapkan.

(3) Tiada seorang pun boleh memiliki atau mengendalikan sesuatu pemasangan, selain suatu pemasangan yang dikecualikan dibawah subseksyen (1) melainkan jika pemasangan itu didaftarkan pada suatu Perakuan

Pendaftaran yang sah.

(4) Perakuan Pendaftaran hendaklah diserahkan balik oleh pemunya atau pemegang lesen kepada Suruhanjaya untuk dibatalkan jika pemasangan itu tidak dikehendaki untuk digunakan lagi dan selepas itu, jika pemunya atau pemegang lesen ingin mengendalikan pemasangan itu semula, pemasangan itu hendaklah dikira dalam segala aspek seolah-olah ia suatu pemasangan baharu.

(5) Suatu Perakuan Pendaftaran boleh dibatalkan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 110.

(6) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindahmilikkan tanpa kebenaran Suruhanjaya.

(7) Mana-mana orang yang tidak atau abai untuk mendaftarkan apa-apa pemasangan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pemeriksaan berkala pemasangan

29. (1) Tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang diberikan di bawah Enakmen ini, mana-mana orang yang bercadang untuk membina, memperbesar atau mengubah pinda apa-apa pemasangan hendaklah memberi notis mengenai cadangan pembinaan, pembesaran atau pengubahpindaan itu kepada Suruhanjaya dan orang itu atau seseorang yang diberi kuasa olehnya hendaklah mengemukakan pelan dan mendapatkan kelulusan terdahulu daripada Suruhanjaya yang boleh memeriksa secara berkala pemasangan itu.

(2) Sebagai tambahan kepada pemeriksaan berkala semasa pembinaan, pembesaran atau pengubahpindaan dan pemeriksaan terakhir apabila siap,

semua pemasangan, semasa dikendalikan, hendaklah tertakluk kepada apa-apa pemeriksaan berkala sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Pengurusan atau orang yang menjaga mana-mana pemasangan atau pembinaan, pembesaran atau pengubahpindaan mana-mana pemasangan hendaklah memberi kemudahan dengan sepenuhnya bagi pemeriksaan semasa waktu bekerja.

Pengendali Sistem

30. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, memberi kuasa atau membatalkan pemberian kuasa mana-mana orang atau sesuatu unit, jabatan atau bahagian yang menjadi sebahagian daripada pemegang lesen untuk menjadi Pengendali Sistem melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Pengendali Sistem hendaklah mematuhi mana-mana peraturan-peraturan, kod, garis panduan atau arahan berkaitan dengan fungsinya sebagaimana yang dibuat atau dikeluarkan oleh Menteri atau Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Enakmen ini.

(3) Pengendali Sistem, semasa menunaikan fungsinya di bawah Enakmen ini, hendaklah memastikan kelakuan tidak berdiskriminasi dan pengendalian optimum dan hemat apa-apa sistem kuasa setakat yang ia tidak menjejaskan kebolehpercayaan, keterjaminan dan keselamatan sistem kuasa itu.

(4) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan kod, garis panduan atau arahan untuk mengasingkan Pengendali Sistem daripada aktiviti di bawah lesen pemegang lesen itu yang tidak berkaitan dengan fungsinya sebagai Pengendali Sistem.

Pembeli Tunggal

31. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, memberi kuasa atau

membatalkan pemberian kuasa mana-mana orang atau sesuatu unit, jabatan atau bahagian yang menjadi sebahagian daripada pemegang lesen untuk menjadi Pembeli Tunggal melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Pembeli Tunggal hendaklah mematuhi mana-mana peraturan-peraturan, kod, garis panduan atau arahan berkaitan dengan fungsinya sebagaimana yang dibuat atau dikeluarkan oleh Menteri atau Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Enakmen ini.

(3) Pembeli Tunggal, semasa menunaikan fungsinya di bawah Enakmen ini, hendaklah memastikan kelakuan tidak berdiskriminasi dan pengendalian optimum dan hemat apa-apa sistem kuasa setakat yang ia tidak menjejaskan kebolehpercayaan, keterjaminan dan keselamatan sistem kuasa itu.

(4) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan kod, garis panduan atau arahan untuk mengasingkan Pembeli Tunggal daripada aktiviti di bawah lesen pemegang lesen itu yang tidak berkaitan dengan fungsinya sebagai Pembeli Tunggal.

BAHAGIAN V

KAWALAN KOMPETEN

Orang yang menjaga

32. (1) Tiada pemasangan atau loji atau kelengkapan elektrik boleh dikerjakan atau dikendalikan kecuali oleh atau di bawah kawalan orang yang memiliki apa-apa kelayakan dan memegang apa-apa perakuan sebagaimana yang ditetapkan, dan tiada seorang pun yang tidak memiliki kelayakan atau memegang perakuan yang disebut terdahulu boleh menjaga apa-apa pemasangan atau boleh mengawal pengendalian apa-apa loji atau kelengkapan elektrik.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama pelanggaran itu diteruskan selepas sabitan.

BAHAGIAN VI

PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CEKAP

Menteri hendaklah menetapkan standard, dsb.

33. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, menetapkan standard, spesifikasi, amalan dan langkah yang hendaklah diterima pakai dan apa-apa perkara lain berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap.

Pemasangan hendaklah memenuhi kehendak

34. Tiada seorang pun boleh menggunakan atau mengendalikan mana-mana pemasangan melainkan jika pemasangan itu memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap.

Kelengkapan hendaklah memenuhi kehendak

35. Tiada seorang pun boleh mengilang, mengimport, menjual atau menawarkan untuk menjual atau memajakkan mana-mana kelengkapan melainkan jika kelengkapan itu memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap.

Pendaftaran orang yang memberikan perkhidmatan yang berhubungan dengan penggunaan elektrik dengan cekap

36. Tiada seorang pun boleh memberikan apa-apa perkhidmatan yang

berhubungan dengan penggunaan elektrik dengan cekap melainkan berdaftar di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN VII

PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

Kewajipan membekal apabila diminta

37. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Bahagian ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, seseorang pemegang lesen hendaklah apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pemunya atau penghuni mana-mana premis —

- (a) memberi bekalan elektrik kepada premis itu; dan
- (b) setakat yang perlu bagi maksud itu, mengadakan talian bekalan atau apa-apa loji atau kelengkapan elektrik.

(2) Jika mana-mana orang menghendaki pembekalan elektrik di bawah subseksyen (1) dia hendaklah memberi suatu notis kepada pemegang lesen yang menyatakan —

- (a) premis yang berkenaan dengannya bekalan itu dikehendaki;
- (b) hari bila bekalan itu dikehendaki dimulakan;
- (c) kuasa maksimum yang dikehendaki pada bila-bila masa; dan
- (d) tempoh minimum yang selamanya bekalan dikehendaki diberikan.

(3) Jika pemegang lesen menerima daripada mana-mana orang suatu notis di bawah subseksyen (2) yang menghendakinya memberi bekalan elektrik ke mana-mana premis dan —

- (a) dia tidak pernah sebelum ini memberikan bekalan elektrik ke premis itu;

- (b) pemberian bekalan itu menghendaki pengadaaan talian bekalan atau loji atau kelengkapan elektrik; atau
- (c) hal keadaan lain wujud yang membuatnya perlu atau suai manfaat baginya berbuat demikian,

pemegang lesen hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas menerima notis itu, memberi kepada orang itu suatu notis di bawah subseksyen (4).

(4) Suatu notis di bawah subseksyen ini hendaklah —

- (a) menyatakan takat cadangan yang dinyatakan dalam notis di bawah subseksyen (2) boleh disetujui terima oleh pemegang lesen dan menyatakan apa-apa cadangan balas yang dibuat oleh pemegang lesen;
- (b) menyatakan sama ada harga yang hendak dikenakan oleh pemegang lesen akan ditentukan melalui suatu tarif di bawah subseksyen 39(1) atau melalui suatu perjanjian khas di bawah subseksyen 45(1), dan menyatakan tarif atau terma perjanjian yang dicadangkan itu;
- (c) menyatakan apa-apa pembayaran yang akan dikehendaki supaya dibuat oleh orang itu di bawah subseksyen 41(1); dan
- (d) menyatakan apa-apa cagaran yang akan dikehendaki diberikan oleh orang itu di bawah seksyen 42.

(5) Dalam seksyen ini dan dalam seksyen 38 hingga 45 Bahagian ini —

- (a) apa-apa sebutan mengenai pemberian bekalan elektrik termasuklah sebutan mengenai penerusan pemberian bekalan sedemikian;
- (b) apa-apa sebutan mengenai menghendaki bekalan elektrik termasuklah sebutan mengenai menghendaki bekalan sedemikian supaya terus diberikan; dan
- (c) apa-apa sebutan mengenai pengadaaan talian bekalan atau

suatu barang daripada loji atau kelengkapan elektrik adalah sebutan mengenai pengadaan talian atau barang sedemikian sama ada melalui pemasangan talian atau barang yang baharu atau melalui pengubahsuaian talian atau barang yang sedia ada.

- (6) Mana-mana orang yang dengan menyalahi undang-undang —
- (a) menghalang, mencegah atau menggalang pembekalan elektrik daripada diberikan oleh pemegang lesen kepada pengguna;
 - (b) menghalang, mencegah atau menggalang pembekalan elektrik kepada mana-mana pengguna daripada dipotong oleh pemegang lesen mengikut Enakmen ini; atau
 - (c) menyebabkan pembekalan elektrik kepada mana-mana pengguna dipotong,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kecualian kepada kewajipan membekalkan elektrik

38. Tiada apa-apa jua dalam subseksyen 37(1) boleh dikira sebagai menghendaki pemegang lesen memberikan bekalan elektrik pada mana-mana premis jika —

- (a) bekalan elektrik telah pun diberikan pada premis itu oleh pemegang lesen yang lain dan bekalan sedemikian diberi sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya menerusi talian bekalan dan loji atau kelengkapan elektrik pemegang lesen;
- (b) premis itu, iaitu suatu premis domestik, komersial atau perindustrian —
 - (i) terletak di atas tanah tanpa mendapat keizinan pemilik tanah;

- (ii) tidak diluluskan menurut atau melanggar peruntukan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 [*No. 11 tahun 1961*] dan Ordinan Perancangan Bandar dan Desa [*Bab 141*]; atau
 - (iii) bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (c) dia terhalang daripada melakukan sedemikian oleh kerosakan atau kegagalan apa-apa infrastruktur bekalan elektrik, sistem elektrik, kelengkapan atau pemasangan yang di luar kawalannya, atau akibat daripada kebakaran, banjir, tanah runtuh, letupan, kemalangan, kekacauan industri di peringkat negeri atau negara, darurat, rusuhan, kekacauan awam atau peperangan, atau apa-apa kejadian serupa yang lain yang bukan dalam kawalan pemegang lesen;
- (d) hal keadaan wujud yang, disebabkan oleh apa yang dilakukannya sedemikian, akan atau boleh melibatkannya melanggar apa-apa peraturan-peraturan di bawah Enakmen ini; atau
- (e) tidak munasabah mengikut semua hal keadaan untuknya dikehendaki berbuat demikian, dengan syarat bahawa perenggan ini tidak terpakai berhubung dengan bekalan elektrik yang sedang diberikan ke mana-mana premis, jika premis itu tidak dihuni, melainkan jika pemegang lesen telah memberi kepada pemunya atau penghuni suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari bekerja mengenai niatnya untuk memberhentikan bekalan elektrik itu.

Kuasa untuk menetapkan tarif dan caj

39. (1) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, menentukan tarif dan caj untuk dilevikan oleh seseorang pemegang lesen.

(2) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan garis panduan mengenai tarif dan caj termasuk —

- (a) perkaedahan, prinsip, kategori dan reka bentuk tarif dan caj;
- (b) tempoh bagi pengenalan tarif dan caj dan bagi kajian semula tarif dan caj; dan
- (c) pengemukaan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki dan difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

(3) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan suatu cadangan mengenai tarif dan caj kepada Suruhanjaya mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (2).

(4) Tarif dan caj yang diluluskan hendaklah disiarkan oleh pemegang lesen mengikut apa-apa cara sebagaimana yang Suruhanjaya berpendapat dapat memastikan publisiti yang mencukupi bagi tarif itu.

(5) Tarif dan caj yang diluluskan di bawah subseksyen (1) boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada —

- (a) suatu caj tetap sebagai tambahan kepada caj bagi elektrik yang sebenarnya dibekalkan;
- (b) suatu caj berkenaan dengan ketersediaan bekalan elektrik dan caj itu boleh berubah mengikut takat pembekalan;
- (c) suatu caj sewa atau caj lain berkenaan dengan mana-mana meter elektrik atau loji atau kelengkapan elektrik yang disediakan oleh pemegang lesen;
- (d) suatu kadar atau kuantum diskaun atau premium daripada tarif yang diluluskan berkenaan dengan jenis pengguna tertentu atau maksud awam sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri; dan
- (e) suatu kadar atau kuantum bayaran, caj atau levi bagi apa-apa jumlah wang menurut mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(6) Dalam meleviskan tarif dan caj menurut subseksyen (1) dan dalam membuat perjanjian khas di bawah seksyen 45, seseorang pemegang lesen tidak boleh menunjukkan keutamaan tidak wajar atau diskriminasi di kalangan pengguna atau orang yang berada di tempat yang sama dengan mengambil kira tempat dan masa pembekalan, kuantiti elektrik yang dibekalkan, beban pengguna dan faktor kuasa, dan maksud yang baginya bekalan itu diambil.

Pemegang lesen boleh mengenakan surcaj

40. Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Enakmen ini, seseorang pemegang lesen boleh mengenakan surcaj tertakluk kepada apa-apa syarat dan pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan bagi pembayaran lewat wang yang kena dibayar oleh seseorang pengguna kepada pemegang lesen itu berkenaan dengan elektrik yang dibekalkan oleh pemegang lesen itu.

Kuasa mendapatkan kembali perbelanjaan

41. (1) Jika apa-apa talian bekalan atau loji atau kelengkapan elektrik diadakan oleh pemegang lesen menurut subseksyen 37(1), pemegang lesen boleh menghendaki apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dibayar oleh orang yang menghendaki bekalan elektrik pada apa-apa takat yang munasabah dengan mengambil kira hal keadaan.

(2) Perbelanjaan yang dilakukan dengan munasabah dalam mengadakan apa-apa talian bekalan atau loji atau kelengkapan elektrik di bawah subseksyen (1) termasuklah nilai dipermodalkan bagi apa-apa perbelanjaan yang mungkin dilakukan dalam menyenggarakannya, jika perbelanjaan itu tidak boleh didapatkan kembali oleh pemegang lesen sebagai sebahagian daripada tarif yang dileviskan olehnya bagi bekalan itu.

Kuasa menghendaki cagaran

42. (1) Seorang pemegang lesen boleh menghendaki mana-mana orang

yang menghendaki bekalan elektrik menurut subseksyen 37(1) untuk memberi kepadanya cagaran yang munasabah bagi semua wang yang menjadi kena dibayar kepadanya —

- (a) berkenaan dengan bekalan elektrik; atau
- (b) jika apa-apa talian bekalan atau loji atau kelengkapan elektrik perlu diadakan di bawah subseksyen yang sama berkenaan dengan pengadaaan kemudahan sedemikian,

dan jika orang itu gagal memberi apa-apa cagaran sedemikian, pemegang lesen boleh, jika difikirkannya patut, enggan untuk memberikan bekalan atau mengadakan talian bekalan atau loji atau kelengkapan elektrik sehinggalah cagaran telah diberikan.

(2) Jika orang itu belum memberikan cagaran dalam subseksyen (1) atau cagaran yang diberikan oleh orang itu menjadi tidak mencukupi, pemegang lesen boleh melalui notis menghendaki orang itu, dalam masa tujuh hari selepas penyampaian notis, memberikan kepadanya cagaran yang munasabah bagi pembayaran semua wang yang kena dibayar kepadanya berkenaan dengan bekalan itu dan jika orang itu gagal memberikan cagaran sedemikian, pemegang lesen boleh, jika difikirkannya patut, memberhentikan bekalan elektrik sehinggalah cagaran diberi.

Pemulangan cagaran dengan faedah

43. Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Enakmen ini, seseorang pemegang lesen hendaklah membayar kepada seseorang tertakluk kepada apa-apa syarat dan pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan sejumlah wang yang bersamaan dengan faedah tahunan atas cagaran yang diberikan di bawah seksyen 42.

Perjanjian pembekalan dengan pengguna

44. (1) Seseorang yang memohon pembekalan elektrik daripada seseorang pemegang lesen selepas tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah membuat suatu perjanjian dengan pemegang lesen itu bagi

pembekalan elektrik atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian itu sebelum elektrik dibekalkan.

(2) Suatu perjanjian yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dalam bentuk dan dengan kandungan sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Perjanjian khas mengenai bekalan

45. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 37 hingga 42, seseorang atau seseorang pemegang lesen yang menghendaki bekalan elektrik menurut subseksyen 37(1) boleh membuat suatu perjanjian khas dengan pemegang lesen bagi bekalan itu atas apa-apa terma sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian.

(2) Jika apa-apa perjanjian yang dibuat menurut subseksyen (1) masih berkuat kuasa, hak dan liabiliti pihak-pihak kepada perjanjian itu hendaklah ditentukan oleh perjanjian dan tidak melalui peruntukan seksyen 37 hingga 42.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2), subseksyen 37(2) hendaklah, walau bagaimanapun, terpakai bagi maksud menyatakan hari yang bekalan elektrik itu dikehendaki dimulakan dan hari yang perjanjian sedemikian berhenti berkuat kuasa.

(4) Apa-apa perjanjian yang dibuat antara pemegang lesen di bawah subseksyen (1) hendaklah diluluskan oleh Suruhanjaya.

Penentuan pertikaian

46. (1) Sesuatu pertikaian antara dua orang atau lebih berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah seksyen 25, 37 hingga 45 dan 50 hendaklah terlebih dahulu cuba diselesaikan melalui perundingan antara pihak-pihak kepada pertikaian itu.

(2) Jika pihak-pihak kepada pertikaian itu tidak dapat atau selainnya

tidak mencapai suatu persetujuan untuk menyelesaikan pertikaian itu, pihak-pihak itu boleh mencari penyelesaian pertikaian itu melalui suatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya untuk mendengar dan menyelesaikan pertikaian.

(3) Amalan dan tatacara yang hendak diikuti apabila menentukan apa-apa pertikaian di bawah subseksyen (2) hendaklah seperti apa yang didapati wajar oleh Suruhanjaya.

(4) Sementara menanti penentuan apa-apa pertikaian yang berbangkit di bawah seksyen 25, 37 hingga 45 dan 50 antara pemegang lesen dan orang yang menghendaki bekalan elektrik, pemegang lesen hendaklah meneruskan pemberian bekalan elektrik sehingga penentuan pertikaian itu.

(5) Apa-apa perintah di bawah subseksyen (2) boleh termasuk suatu peruntukan yang menghendaki salah satu pihak membayar kos atau perbelanjaan yang dilakukan oleh Suruhanjaya dalam menentukan pertikaian itu.

Pemberitahuan pertikaian dan keputusan mengikat oleh Suruhanjaya

47. (1) Mana-mana pihak kepada sesuatu pertikaian boleh, secara bertulis, memberitahu Suruhanjaya mengenai pertikaian yang tidak dapat diselesaikan itu melalui perundingan di bawah subseksyen 46(1).

(2) Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 46(2) hendaklah hanya bersidang untuk menyelesaikan suatu pertikaian jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa —

- (a) suatu persetujuan untuk menyelesaikan pertikaian itu tidak akan tercapai atau tidak akan tercapai dalam masa yang munasabah; dan
- (b) pertikaian itu dan pemberitahuannya bukan sesuatu yang ringan, remeh atau menyusahkan.

(3) Jawatankuasa boleh menyelesaikan pertikaian itu atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Terma dan syarat di bawah subseksyen (3) hendaklah secara bertulis dan disertakan dengan alasan bagi keputusan jawatankuasa itu.

(5) Keputusan jawatankuasa itu hendaklah disifatkan sebagai keputusan Suruhanjaya dan mengikat pihak-pihak itu.

(6) Sesuatu keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini boleh, dengan izin Mahkamah Sesyen, dikuatkuasakan mengikut cara yang sama sebagaimana penghakiman atau perintah yang sama kesannya oleh Mahkamah Sesyen, dan jika izin telah diberikan sedemikian, penghakiman boleh dibuat mengikut terma keputusan Suruhanjaya itu dan seolah-olah keputusan itu ialah penghakiman Mahkamah itu.

(7) Penghakiman di bawah subseksyen (6) hanya boleh dibuat jika perakuan telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada mana-mana pihak bagi izin untuk dibawa ke Mahkamah bagi penguatkuasaan keputusan itu tetapi tiada perakuan dikehendaki jika suatu tindakan diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini.

Daftar keputusan

48. (1) Suruhanjaya hendaklah menyenggara suatu daftar bagi semua keputusan yang dibuat di bawah seksyen 47.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi —

- (a) nama pihak-pihak kepada pertikaian;
- (b) perihalan am mengenai perkara yang berkaitan dengan keputusan itu; dan
- (c) tarikh keputusan itu.

Penetapan harga maksimum bagi penjualan semula elektrik

49. (1) Seksyen ini terpakai bagi elektrik yang dibekalkan ke premis oleh seseorang yang dibenarkan oleh suatu lesen untuk membekalkan elektrik.

(2) Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa menetapkan harga maksimum yang dengannya elektrik di bawah seksyen ini boleh dijual semula dan boleh menyiarkan harga yang ditetapkan sedemikian mengikut apa-apa cara sebagaimana yang pada pendapat Suruhanjaya dapat menjamin publisiti yang mencukupi untuknya.

(3) Harga berlainan boleh ditetapkan bagi hal-hal berlainan yang boleh ditentukan melalui rujukan kepada kawasan, tarif atau apa-apa faktor berkaitan yang lain.

(4) Jika mana-mana orang menjual semula elektrik pada harga yang melebihi harga maksimum yang ditetapkan di bawah seksyen ini, amaun lebih itu hendaklah didapatkan kembali oleh orang yang kepadanya elektrik itu dijual semula.

Caj bagi bekalan elektrik hendaklah ditentukan melalui meter yang sesuai

50. (1) Jika seseorang pengguna, pemegang lesen atau Pembeli Tunggal dikenakan caj bagi bekalan elektriknya sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya dengan merujuk kepada kuantiti elektrik yang dibekalkan, bekalan itu hendaklah diberikan melalui, dan kuantiti elektrik hendaklah ditentukan melalui, meter yang sesuai.

(2) Meter hendaklah dipasang, ditentu ukur, diuji, disahkan dan disenggarakan sebagaimana yang ditetapkan atau dengan mengikut mana-mana kod atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Meter hendaklah diadakan oleh pemegang lesen yang membekalkan elektrik, sama ada dengan cara jualan, sewa atau pinjaman.

(4) Meter hendaklah dipasang pada premis pengguna, pemegang lesen atau Pembeli Tunggal di suatu kedudukan yang hendaklah ditentukan oleh pemegang lesen yang membekalkan elektrik, melainkan jika dalam hal keadaan tertentu adalah lebih munasabah untuk menempatkan meter itu di luar premis atau di suatu kedudukan lain.

(5) Jika pengguna, pemegang lesen atau Pembeli Tunggal enggan atau tidak mendapatkan bekalan elektriknya melalui meter yang sesuai yang diadakan dan dipasang mengikut subseksyen (3) dan (4) pemegang lesen yang membekalkan elektrik boleh enggan untuk memberikan atau memberhentikan bekalan.

(6) Bagi maksud seksyen ini, suatu meter ialah meter yang sesuai untuk kegunaan berkaitan dengan apa-apa bekalan elektrik yang tertentu jika ia adalah daripada corak pembinaan yang, dengan mengambil kira terma yang berdasarkannya bekalan itu dikenakan caj, bersesuaian dengan khususnya bagi kegunaan sedemikian dan boleh termasuk meter prabayar, infrastruktur pemeteran, telepemeteran atau apa-apa cara pemeteran lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN VIII

PEMBERITAHUAN KEMALANGAN ATAU KEBAKARAN

Kemalangan serius hendaklah dilaporkan kepada, dan disiasat oleh Suruhanjaya

51. (1) Bilamana apa-apa kemalangan atau kebakaran yang menyebabkan atau mengakibatkan kehilangan nyawa atau cedera kepada mana-mana orang atau kerosakan serius pada harta telah berlaku berkaitan dengan apa-apa pemasangan atau loji atau kelengkapan elektrik, pemunya atau pemegang lesen dan pengurusannya hendaklah melaporkan kemalangan atau kebakaran itu kepada Suruhanjaya melalui cara yang tercepat yang ada, dan kemudiannya, dengan seberapa sedikit kelengahan yang mungkin, hendaklah melaporkan secara bertulis kepada Suruhanjaya mengenai fakta

perkara itu setakat yang diketahui oleh mereka masing-masing.

(2) Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, apabila menerima laporan pertama mengarahkan seseorang pegawai diberi kuasa supaya —

- (a) melawat tempat di mana kemalangan atau kebakaran itu berlaku;
- (b) membuat penyiasatan permulaan mengenai hal keadaan itu;
- (c) merekodkan secara bertulis dapatannya yang boleh disokong dengan fotograf yang berkaitan, selepas penyiasatan itu;
- (d) diberikan fotograf, laporan perubatan atau dokumen berkaitan yang lain daripada mana-mana orang atau pihak berkuasa tanpa apa-apa bayaran fi dan orang atau pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi apa-apa permintaan sedemikian;
- (e) mengemukakan laporannya kepada Ketua Pegawai Eksekutif; dan
- (f) jika telah berlaku apa-apa kehilangan nyawa atau terdapat sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah cedera sehingga membawa maut, menghantar suatu salinan dapatannya kepada Majistret yang terdekat.

(3) Sekiranya berlaku kehilangan nyawa atau cedera parah kepada mana-mana orang disebabkan oleh apa-apa kemalangan atau kebakaran berkaitan dengan mana-mana pemasangan atau loji atau kelengkapan elektrik, tiada pengubahpindaan atau penambahan boleh, tanpa kebenaran Suruhanjaya, dibuat pada mana-mana bahagian pemasangan, loji atau kelengkapan itu yang mungkin merupakan antara sebab yang menyebabkan kemalangan atau kebakaran itu dan tiada apa-apa pengubahpindaan boleh dibuat, tanpa keizinan itu, pada tempat berlakunya kemalangan atau kebakaran sehinggalah pegawai diberi kuasa telah menyelesaikan penyiasatannya, dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua yang terkandung di dalam seksyen ini boleh berkuat kuasa untuk mengganggu kerja penyelamatan atau kerja yang perlu bagi

keselamatan am nyawa atau harta.

(4) Jika berdasarkan suatu penyiasatan permulaan di bawah subseksyen (2) pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan itu mendapati terdapat sebab untuk mempercayai bahawa kemalangan atau kebakaran itu telah disebabkan oleh apa-apa kegagalan untuk mematuhi Enakmen ini atau apa-apa perintah sah yang diberikan oleh Suruhanjaya, atau jika pegawai yang diberi kuasa yang membuat penyiasatan itu berpuas hati bahawa kemalangan atau kebakaran itu mungkin boleh dicegah jika langkah berjaga-jaga yang wajar telah diambil dan dipatuhi semasa mengerjakan mana-mana pemasangan atau loji atau kelengkapan elektrik, Suruhanjaya boleh menyiasat hal keadaan kemalangan atau kebakaran itu dengan lebih lanjut bersama dengan pegawai yang diberi kuasa yang membuat penyiasatan permulaan itu dan jika Suruhanjaya berpendapat bahawa prosiding jenayah patut dibawa terhadap mana-mana orang, maka Suruhanjaya hendaklah mengemukakan kepada Pendakwa Raya suatu salinan laporan pegawai yang diberi kuasa itu dengan pendapat Suruhanjaya mengenai hal keadaan dan dapatan itu.

(5) Mana-mana orang yang berkenaan dengan mana-mana penyiasatan yang diadakan di bawah seksyen ini berhak, apabila dibayar fi yang ditetapkan, menerima suatu salinan laporan, pendapat dan pernyataan Suruhanjaya dalam perjalanan penyiasatannya.

(6) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang sah, melanggar atau tidak mematuhi subseksyen (1) dan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

BAHAGIAN IX

KESELAMATAN PEPASANGAN DAN KELENGKAPAN

Tanggungjawab pemegang lesen terhadap keselamatan

52. (1) Seseorang pemegang lesen yang mengendalikan dan menyenggara apa-apa infrastruktur bekalan elektrik hendaklah mematuhi mana-

mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini atau kod keselamatan infrastruktur elektrik atau, jika tiada mana-mana peraturan-peraturan atau kod, mengikut standard dan amalan penggunaan yang berhemat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Seorang pemegang lesen hendaklah menyediakan suatu pelan pengurusan keselamatan yang memperkatakan perkara-perkara sebagaimana yang ditetapkan dalam kod keselamatan infrastruktur elektrik atau, jika tiada apa-apa kod, mengikut standard dan amalan penggunaan yang berhemat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang tidak menyediakan pelan pengurusan keselamatan yang disebut dalam subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Tanggungjawab pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pemegang lesen bagi jualan dan pemegang lesen bagi pemasangan persendirian bagi keselamatan

53. (1) Seseorang pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik yang berdaftar di bawah Enakmen ini, pemegang lesen bagi jualan dan pemegang lesen bagi pemasangan persendirian hendaklah mematuhi kod keselamatan pemasangan elektrik bukan domestik dan program pengurusan keselamatan atau, jika tiada apa-apa kod atau program itu, mengikut standard dan amalan industri yang berhemat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Seorang pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik yang berdaftar di bawah Enakmen ini, pemegang lesen bagi jualan dan pemegang lesen bagi pemasangan persendirian hendaklah menyediakan program pengurusan keselamatan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya.

(3) Program pengurusan keselamatan yang disebut dalam subseksyen (2)

hendaklah memperuntukkan bagi perkara sebagaimana yang ditetapkan dalam kod keselamatan pemasangan elektrik bukan domestik atau, jika tiada apa-apa kod itu, mengikut standard dan amalan industri yang berhemat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Seorang pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik yang berdaftar di bawah Enakmen ini, pemegang lesen bagi jualan dan pemegang lesen bagi pemasangan persendirian yang tidak menyediakan program pengurusan keselamatan yang disebut dalam subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menjalankan kerja elektrik

54. (1) Seorang orang kompeten atau orang di bawah kawalan orang kompeten yang menjalankan kerja elektrik hendaklah memastikan bahawa kerja elektrik itu mematuhi mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, kod keselamatan infrastruktur elektrik atau kod keselamatan pemasangan elektrik bukan domestik, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau, jika tiada mana-mana peraturan-peraturan atau kod, mengikut standard dan amalan industri yang berhemat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Orang yang menjalankan kerja elektrik di bawah subseksyen (1) hendaklah memastikan bahawa kerja itu tidak menyebabkan kecederaan berkaitan elektrik kepada mana-mana orang atau kerosakan terhadap apa-apa harta benda.

Kerja atau aktiviti yang tidak dibenarkan

55. (1) Tiada seorang pun tanpa kebenaran sah daripada pemegang lesen boleh menjalankan apa-apa kerja atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti berhampiran dengan apa-apa pemasangan elektrik atau sebahagian daripadanya yang ditetapkan mengikut cara yang berkemungkinan

mengganggu mana-mana pemasangan elektrik atau menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang atau harta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Tanggungjawab yang berhubungan dengan kerja selain kerja elektrik

56. (1) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa pembinaan, pembangunan, pengubahsuaian atau kerja selain kerja elektrik berhampiran dengan pemasangan elektrik hendaklah memastikan bahawa kerja itu tidak menyebabkan gangguan kepada bekalan elektrik atau kecederaan berkaitan elektrik kepada mana-mana orang atau kerosakan terhadap apa-apa harta benda.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(3) Mana-mana orang yang menyebabkan apa-apa kecederaan atau kerosakan di bawah subseksyen (1) hendaklah, sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (2), bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi sepenuhnya bagi kecederaan atau kerosakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan membaiki kerosakan yang telah dilakukannya ke atas harta benda dalam masa yang dinyatakan sebagaimana difikirkan patut oleh mahkamah.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), “kerja” termasuklah kerja penggalian.

Pematuhan pemeriksaan

57. (1) Suruhanjaya boleh, memeriksa atau menyebabkan supaya diperiksa suatu infrastruktur bekalan elektrik, pemasangan elektrik bukan domestik atau tempat perniagaan atau apa-apa aktiviti pengilang atau pengimport berdaftar atau suatu badan penilaian pematuhan berdaftar atau pusat atau institusi latihan dan pemeriksaan berdaftar untuk memastikan bahawa pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pemegang lesen bagi jualan dan pemegang lesen bagi pemasangan persendirian, pengilang atau pengimport berdaftar atau badan penilaian pematuhan berdaftar atau pusat atau institusi latihan dan pemeriksaan berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, mematuhi Enakmen ini, mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, kod, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Enakmen ini, pelan pengurusan keselamatan dan program pengurusan keselamatan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Suruhanjaya boleh memeriksa atau menyebabkan supaya diperiksa apa-apa kelengkapan di mana-mana premis, bangunan, kemudahan termasuk kemudahan sementara dan kenderaan yang digunakan bagi penjualan atau tawaran bagi penjualan secara jualan untuk menentukan jika kelengkapan itu mematuhi standard sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Tafsiran

58. Bagi maksud Bahagian ini —

“kod keselamatan infrastruktur elektrik” ertinya sesuatu kod yang dibangunkan, dikeluarkan dan didaftarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 99 mengenai kehendak keselamatan, standard keselamatan dan teknikal yang bersesuaian, pengendalian, penyenggaraan dan perlindungan sistem elektrik dan perkara berkaitan yang lain mengenai infrastruktur bekalan elektrik;

“kod keselamatan pemasangan elektrik bukan domestik” ertinya sesuatu kod yang dibangunkan, dikeluarkan dan didaftarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 99 mengenai kehendak

keselamatan, standard keselamatan dan teknikal yang bersesuaian, pengendalian, penyenggaraan dan perlindungan sistem elektrik dan perkara berkaitan yang lain mengenai pemasangan elektrik bukan domestik; dan

“pemegang lesen” tidak termasuk pemegang lesen bagi jualan dan pemegang lesen bagi pemasangan persendirian.

BAHAGIAN X

SIASATAN

Tatacara berhubung dengan siasatan

59. (1) Sekiranya berlaku perselisihan pendapat antara pemegang lesen dengan seseorang pegawai diberi kuasa atau antara pengurusan atau pemunya mana-mana pemasangan atau kelengkapan dengan seseorang pegawai diberi kuasa mengenai apa-apa perkara yang menyentuh pembinaan, pendirian, penyenggaraan atau pengendalian mana-mana pemasangan atau kelengkapan, perkara itu hendaklah dirujuk kepada dan diputuskan oleh Suruhanjaya.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) boleh memohon kepada Menteri bagi pertimbangan semula perkara yang dipertikaikan itu dan permohonan itu hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh keputusan Suruhanjaya, atau dalam apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri dalam hal keadaan khas, dan hendaklah mengandungi alasan kilan itu.

(3) Apabila menerima permohonan itu, Menteri hendaklah melantik seseorang sebagai wakilnya untuk mengetuai dan mengadakan siasatan mengenai perkara itu bersama dengan dua orang lain yang akan dinamakan oleh Menteri sebagai pengapit yang hendaklah orang yang memiliki kemahiran dan pengalaman dalam bidang elektrik atau bidang khas

lain yang diambil dari kalangan orang yang bukan dalam perkhidmatan Suruhanjaya.

(4) Segala soalan dalam siasatan itu hendaklah ditentukan oleh suatu majoriti anggota yang mengadakan siasatan itu.

(5) Pada akhir siasatan, orang yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen (3) hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu ringkasan keterangan berserta dengan keputusan yang telah dicapai, dan Menteri hendaklah menyetujui terima keputusan itu sebagai muktamad dan hendaklah memberitahu semua orang yang berkenaan.

(6) Mana-mana orang yang berkenaan dengan perkara yang dirujuk kepada Menteri di bawah subseksyen (2) adalah berhak, apabila dibayar fi yang ditetapkan, kepada suatu salinan ringkasan keterangan dan keputusan yang disebut dalam subseksyen (5).

(7) Orang yang dinamakan oleh Menteri untuk menjadi pengapit adalah berhak menerima apa-apa saraan sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Kuasa mengadakan siasatan

60. Bagi maksud mengadakan siasatan di bawah Enakmen ini, Suruhanjaya atau orang yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen 59(3), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempunyai kuasa mengendalikan sumpah dan ikrar dan hendaklah terletak hak padanya kuasa Majistret kelas satu bagi memaksa kehadiran saksi, menjaga ketenteraman atau selainnya menjalankan dengan sempurna siasatan tersebut dan orang yang dipanggil menghadiri mana-mana siasatan adalah terikat di sisi undang-undang untuk hadir.

BAHAGIAN XI
KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan

61. (1) Mana-mana orang yang mengganggu atau melaraskan apa-apa pemasangan atau bahagiannya atau mengilang atau mengimport atau menjual apa-apa kelengkapan sehingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa atau anggota badan manusia atau kerosakan pada mana-mana kelengkapan atau harta lain melakukan suatu kesalahan dan bagi setiap kesalahan sedemikian boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan gopoh atau cuai menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan terhadap harta berkenaan dengan mana-mana pemasangan atau kelengkapan atau bahagiannya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang mengikut apa-apa cara dengan curang —

- (a) mengambil elektrik;
- (b) mengguna habis elektrik;
- (c) menggunakan elektrik;
- (d) mengubah pinda indeks apa-apa meter atau alat lain yang digunakan di atas atau berkaitan dengan apa-apa pemasangan atau mana-mana pemasangan berlesen untuk merekodkan keluaran atau penggunahabisan elektrik; atau
- (e) menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian daripada merekodkan dengan sepenuhnya keluaran atau penggunahabisan elektrik,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan —

- (i) dalam hal pengguna domestik, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua dan yang berikutnya didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan
- (ii) dalam hal pengguna bukan domestik, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua dan yang berikutnya didenda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang tanpa kebenaran nyata daripada Suruhanjaya membekalkan elektrik atau meletakkan apa-apa talian bekalan atau membina apa-apa kerja elektrik di luar kawasan bekalan yang dinyatakan dalam lesennya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan mana-mana talian bekalan atau kerja tidak dibenarkan sedemikian boleh, selepas sabitan, dialihkan mengikut perintah Suruhanjaya, dan jika perintah itu tidak dipatuhi, kos munasabah bagi pengalihan sedemikian boleh didapatkan kembali daripada pemegang lesen itu.

(5) Mana-mana orang yang, tanpa kebenaran yang wajar, memadamkan atau merosakkan apa-apa lampu awam atau merosakkan atau mencatitkan apa-apa tiang, pendakap atau kaedah lain bagi menopangkan suatu lampu awam melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(6) Mana-mana orang yang tanpa keizinan sah daripada pemegang lesen melekatkan atau menyebabkan dilekatkan apa-apa iklan, bil atau notis atau apa-apa kertas pada atau atas, atau selainnya mencatitkan apa-apa bangunan, tiang atau pendakap atau kelengkapan lain atau kepungannya yang digunakan bagi atau berkaitan dengan apa-apa pemasangan awam melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(7) Mana-mana orang yang dengan sengaja atau dengan cuai —

- (a) melakukan pembaziran elektrik yang disebabkan oleh elektrik dilencongkan dari aliran perjalanannya yang patut; atau
- (b) memecahkan, menumbangkan, menyebabkan dijatuhkan atau dirosakkan apa-apa talian bekalan, tiang, pancang atau kelengkapan, pemasangan atau mana-mana bahagian daripadanya yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang bersambung dengan bekalan elektrik,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(8) Mana-mana orang yang memasang apa-apa pendawaian atau persambungan elektrik pada pendawaian sedia ada pada mana-mana premis tanpa kelulusan bertulis daripada pemegang lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(9) Mana-mana orang yang merosakkan atau mengalihkan mana-mana meter atau alat lain yang digunakan atas atau berkaitan dengan mana-mana pemasangan berlesen bagi merekodkan keluaran atau penggunaan elektrik melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(10) Bagi maksud subseksyen (3) —

“pengguna domestik” ertinya pengguna bagi pemasangan domestik yang dibekalkan atau yang disambungkan dengan elektrik;

“pemasangan domestik” ertinya suatu pemasangan di rumah kediaman persendirian yang tidak digunakan dalam mana-mana hotel atau rumah tumpangan atau bagi maksud menjalankan apa-apa perniagaan, perdagangan, profesion atau perkhidmatan; dan

“pengguna bukan domestik” ertinya pengguna elektrik selain daripada pengguna domestik.

Kesalahan cubaan dan subahat

62. Jika mana-mana orang —

- (a) membantu, bersubahat, menolong, menghasut atau mendorong mana-mana orang lain untuk membuat atau membuat bagi pihak seorang yang lain suatu penyata, akaun, pernyataan atau perisytiharan yang salah atau melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini; atau
- (b) cuba untuk membuat atau membuat bagi pihak seorang yang lain suatu penyata, akaun, pernyataan atau perisytiharan yang salah atau melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini,

orang itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu di bawah Enakmen ini dengan syarat bahawa apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak melebihi setengah daripada tempoh terpanjang yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Pemotongan bekalan elektrik

63. (1) Jika mana-mana orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen mendapati keterangan di mana-mana premis yang memberikan alasan

yang munasabah untuk dia mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah subseksyen 61(1), (3) atau (9), pemegang lesen atau mana-mana orang yang telah diberi kuasa sewajarnya oleh pemegang lesen hendaklah dalam masa tiga hari bekerja dari tarikh dapatan itu memaklumkan Suruhanjaya secara bertulis, dan pemegang lesen itu boleh, dengan memberikan notis tidak kurang daripada empat puluh lapan jam dari tarikh yang sama mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan, menyebabkan bekalan elektrik dipotong dari premis itu.

(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Enakmen ini, jika seseorang pegawai polis memohon kepada seseorang pemegang lesen bagi pemotongan bekalan elektrik ke mana-mana premis bagi suatu tempoh tidak melebihi satu bulan kalendar di bawah seksyen 21A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*], pemegang lesen itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta memotong atau menyebabkan bekalan elektrik dipotong dari premis sedemikian.

(3) Apabila menerima apa-apa maklumat di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh menentusahkan perkara itu dan dalam hal jika Suruhanjaya mendapati bahawa tiada kesalahan telah dilakukan, bekalan elektrik hendaklah disambung semula dengan serta-merta.

(4) Jika bekalan elektrik telah dipotong di bawah subseksyen (1), bekalan elektrik itu tidak boleh disambung semula sehinggalah pemegang lesen menurut budi bicaranya memberikan kebenaran bagi penyambungan semula, dengan syarat bahawa tempoh pemotongan itu tidak melebihi tiga bulan.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), jika bekalan elektrik telah dipotong di bawah subseksyen (2), bekalan itu tidak boleh disambung semula tanpa keizinan bertulis seseorang pegawai polis.

(6) Pemegang lesen boleh menghendaki pengguna supaya membayar kepadanya bagi kerugian hasil yang disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen 61(1), (3) dan (9) dan apa-apa perbelanjaan

yang munasabah yang dilakukan secara terus oleh pemegang lesen di bawah seksyen ini termasuk perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penyambungan semula elektrik mengikut cara sebagaimana yang telah diarahkan oleh Suruhanjaya, dengan syarat bahawa dan tertakluk kepada subseksyen (7), jika pemegang lesen tidak meneruskan tuntutan bagi kerugian hasil dan perbelanjaan itu di mahkamah, pemegang lesen hanya boleh menuntut terhadap pengguna bagi kerugian hasil dan perbelanjaan itu bagi tempoh tidak melebihi enam bulan ke belakang dari tarikh kesalahan itu disedari di bawah subseksyen (1).

(7) Suatu pernyataan bertulis oleh seseorang pekerja pemegang lesen yang diperakui dengan sepenuhnya oleh pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen yang menyatakan —

- (a) amaun kerugian hasil atau perbelanjaan yang munasabah yang dilakukan oleh pemegang lesen;
- (b) cara pengiraan kerugian hasil dan butiran perbelanjaan; dan
- (c) orang yang bertanggung bagi pembayarannya,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai bayaran yang kena dibuat oleh pengguna di bawah subseksyen (6) dan pernyataan bertulis itu hendaklah diberitahu kepada pengguna dalam masa empat belas hari bekerja atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan dengan kelulusan bertulis Suruhanjaya selepas pemotongan itu.

(8) Amaun yang dinyatakan dalam pernyataan bertulis di bawah subseksyen (7) itu hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam pernyataan itu, menjadi genap masa dan kena dibayar kepada pemegang lesen dan jika tidak dibayar, amaun itu hendaklah didapati kembali melalui tindakan sivil di mahkamah.

Liabiliti tidak terjejas

64. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 25 dan 27, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh berkuat kuasa

untuk melepaskan pemegang lesen atau pengurusan daripada apa-apa liabiliti sivil atau jenayah yang berbangkit di bawah Enakmen ini.

Beban pembuktian

65. Dalam apa-apa pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah subseksyen 61(3) bukti mengenai —

- (a) kewujudan kaedah-kaedah buatan, sama ada bersendirian atau berserta dengan kaedah-kaedah buatan tambahan yang tidak dijumpai, yang boleh digunakan bagi mengubah pinda, atau memudahkan pengubahpindaan, indeks mana-mana meter atau alat yang digunakan bagi mencatatkan kuantiti elektrik yang dibekalkan;
- (b) kewujudan kaedah-kaedah buatan, sama ada bersendirian atau berserta dengan kaedah-kaedah buatan tambahan yang tidak dijumpai, yang akan menghalang, atau memudahkan penghalangan, mana-mana meter atau alat daripada mencatatkan dengan sempurnanya kuantiti elektrik yang dibekalkan, atau yang akan memudahkan pengambilan, penggunahabisan atau penggunaan elektrik dengan curang; atau
- (c)
 - (i) pemasangan apa-apa kaedah mekanik atau kaedah lain pada,
 - (ii) ketiadaan atau pengalihan apa-apa bahagian atau sambungan daripada, atau
 - (iii) penggangguan apa-apa bahagian atau sambungan,

apa-apa radas mengikut hal keadaan yang pemasangan, ketiadaan, pengalihan atau penggangguan itu akan menghalang atau memudahkan penghalangan mana-mana meter atau alat lain daripada mencatatkan dengan sempurnanya kuantiti elektrik yang dibekalkan, atau yang akan memudahkan pengambilan, penggunahabisan atau penggunaan elektrik

dengan curang,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa telah ada pengubahpindaan indeks mana-mana meter atau alat, atau penghalangan, pengambilan, penggunahabisan atau penggunaan elektrik dengan curang, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan

- (A) bahawa pengubahpindaan, penghalangan, pengambilan, penggunahabisan atau penggunaan dengan curang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dijalankan oleh —
 - (a) orang yang memasang bahagian atau sambungan buatan atau mekanik atau apa-apa bahagian atau sambungan lain seperti yang disebut terdahulu;
 - (b) orang yang mengalihkan mana-mana bahagian atau sambungan seperti yang disebut terdahulu;
 - (c) orang yang mengganggu mana-mana bahagian atau sambungan seperti yang disebut terdahulu;
 - (d) pengguna yang menggunakan meter atau alat itu;
 - (e) orang yang mempunyai kawalan ke atas pemasangan di mana ia terpasang; atau
 - (f) penghuni premis yang pada premis itu meter atau alat itu dipasang; atau
- (B) bahawa orang atau pengguna itu telah bersubahat melakukan kesalahan mengubah pinda, menghalang, mengambil, mengguna habis atau mengguna itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pampasan kerana kerosakan

66. (1) Mana-mana orang yang mengalihkan, memusnahkan atau merosakkan sama ada dengan sengaja atau selainnya, apa-apa pemasangan atau mana-mana

bahagiannya, atau mana-mana lampu awam atau mana-mana tiang, pendakap atau kaedah lain bagi menopangkan lampu awam, atau mana-mana alat yang digunakan berkaitan dengan mana-mana pemasangan untuk merekodkan keluaran atau penggunahabisan elektrik, boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang boleh dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini, ditanggungkan dengan pembayaran pampasan penuh bagi kerosakan yang telah dilakukannya dan pampasan itu boleh didapatkan kembali melalui tindakan atau guaman sivil di hadapan mana-mana mahkamah.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), mana-mana mahkamah yang di hadapannya seseorang dipertuduh atas kesalahan di bawah Enakmen ini boleh menaksirkan pampasan yang kena dibayar di bawah seksyen ini dan boleh membuat suatu perintah bagi pembayaran pampasan itu, dan mana-mana perintah sedemikian boleh dikuatkuasakan seolah-olah ia adalah suatu penghakiman di dalam tindakan atau guaman sivil.

Penggunaan talian bekalan, dsb., bagi maksud komunikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

67. (1) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Enakmen ini dan tertakluk kepada peruntukan seksyen ini dan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan, mana-mana talian bekalan, sebahagian daripada suatu infrastruktur bekalan elektrik, pemasangan, loji atau kelengkapan boleh digunakan bagi maksud komunikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*].

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengeluarkan kod, garis panduan atau arahan.

(3) Sebelum dan semasa pengendalian komunikasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pengguna elektrik dan orang yang dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 hendaklah mematuhi mana-mana peraturan-peraturan, kod, garis panduan dan arahan yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2).

(4) Pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik dan orang yang dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan bahawa penyediaan atau pengendalian komunikasi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mematuhi Enakmen.

(5) Mana-mana pemunya atau penghuni suatu pemasangan elektrik di premis kediaman atau pengguna elektrik boleh memilih untuk menjadi pengguna atau selainnya bagi perkhidmatan komunikasi yang disediakan oleh orang yang dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang hendaklah mendapatkan persetujuan yang nyata daripada pemunya atau penghuni atau pengguna itu sebelum menyediakan perkhidmatan komunikasi.

(6) Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, mana-mana pemegang lesen atau orang yang dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN XII PENGUATKUASAAN

Tafsiran

68. Dalam Bahagian ini, “premis” ertinya mana-mana tempat, rumah atau bangunan, yang tidak bergerak atau selainnya, yang ditubuhkan atau didirikan oleh mana-mana orang, sama ada tempat itu ada atau tiada kepungan, dan termasuklah suatu kenderaan, pesawat udara, kapal dan apa-apa vesel lain.

Pegawai diberi kuasa

69. (1) Menteri boleh secara bertulis memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan kuasa

penguatkuasaan di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Kad kuasa

70. (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai diberi kuasa suatu kad kuasa yang ditandatangani oleh Suruhanjaya.

(2) Bilamana pegawai diberi kuasa menjalankan apa-apa kuasa di bawah Enakmen ini, dia hendaklah, apabila diminta, menunjukkan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan, kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Kuasa untuk masuk, memeriksa dan meneliti

71. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, bagi maksud menunaikan mana-mana kewajipannya atau menjalankan mana-mana fungsinya di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, atau selainnya bagi maksud Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan, masuk pada bila-bila masa yang munasabah ke mana-mana premis dengan atau tanpa bekalan elektrik untuk memeriksa dan meneliti mana-mana bahagian suatu pemasangan atau kelengkapan, atau untuk sebab sepatutnya yang lain.

Kuasa penyiasatan

72. (1) Pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, berhubung dengan penyiasatan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen

ini, menjalankan kuasa khas yang berhubungan dengan penyiasatan polis kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran yang diberikan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] bagi mana-mana kesalahan boleh tangkap.

Menggeledah dan menyita dengan waran

73. (1) Jika didapati oleh Majistret, atas maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang didapatinya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam mana-mana premis, apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya telah digunakan atau hendak digunakan bagi, atau terdapat di dalam mana-mana premis, keterangan yang diperlukan untuk membuktikan, pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang kepadanya waran itu diarahkan, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan —

- (a) untuk memasuki mana-mana premis dan menggeledah, menyita dan menahan apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya;
- (b) untuk memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, apa-apa artikel, buku, rekod, akaun atau dokumen lain yang disita dan ditahan sedemikian;
- (c) untuk mengambil milikan, dan mengalihkan dari premis itu, apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita sedemikian dan menahannya selama apa-apa tempoh yang diperlukan; atau
- (d) untuk memeriksa mana-mana orang yang ada di dalam, atau di premis itu, dan bagi maksud penggeledahan, menahan orang itu dan memindahkannya ke mana-mana tempat sebagaimana yang perlu untuk memudahkan penggeledahan, dan menyita dan menahan apa-apa artikel, buku, rekod, akaun atau dokumen

yang dijumpai pada orang itu.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang bertindak di bawah subseksyen (1) boleh, jika perlu berbuat demikian —

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis dan masuk ke dalam premis itu;
- (b) dengan kekerasan masuk ke dalam mana-mana premis dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) dengan kekerasan mengalihkan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan, penahanan atau pengalihan itu yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; atau
- (d) menahan mana-mana orang yang ditemui di mana-mana premis yang dikeledah di bawah subseksyen (1) sehingga penggeledahan itu selesai.

(3) Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

(4) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau jumlahnya, pengalihan apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita di bawah seksyen ini tidak dapat dilaksanakan, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang menyita hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu.

(5) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (4) atau mengalihkan apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang dilak atau cuba berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan

selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Mengeledah dan menyita tanpa waran

74. Jika seseorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 73 penyiasatan akan terjejas teruk atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dialihkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan dalam, di atas dan berkenaan dengan premis itu segala kuasa yang disebut dalam seksyen 73 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Capaian kepada data berkomputer

75. (1) Seorang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang menjalankan suatu pengeledahan di bawah Enakmen ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis itu hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer difahami.

Senarai benda yang disita

76. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2), jika apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya disita di bawah Enakmen ini, pegawai yang menyita hendaklah menyediakan suatu senarai benda

yang disita dan dengan serta-merta menyerahkan suatu salinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang telah digeledah itu, atau kepada ejen atau pekhidmatnya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak berpenghuni, pegawai yang menyita hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui tentang kes

77. (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada hemat pegawai diberi kuasa itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika orang itu enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadiran itu kepada mahkamah yang hendaklah mengeluarkan suatu saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

Pemeriksaan orang yang mengetahui tentang kes

78. (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini

adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan.

(4) Seorang pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan —

- (a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dibuatnya; dan
- (b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan

79. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai diberi kuasa semasa penyiasatan dibuat di bawah Enakmen ini boleh digunakan dalam keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pihak pendakwaan atau pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada seseorang pegawai diberi kuasa semasa suatu penyiasatan di bawah Enakmen ini dan boleh kemudiannya, jika difikirkan patut oleh mahkamah demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberikan suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa suatu

penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan bagi menyokong pembelaannya semasa perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi mana-mana pernyataan yang dibuat semasa suatu perbarisan cam atau terangkum dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan yang berhubung dengan —

(a) pembuatan; atau

(b) kandungan,

apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seseorang pegawai diberi kuasa semasa suatu penyiasatan yang dibuat di bawah Enakmen ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

Pelucuthakan atau pelepasan kelengkapan, alat, dsb., yang disita

80. (1) Apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan

atau bahagiannya yang disita di bawah Enakmen ini, kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat terakhir diketahui orang yang daripadanya kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu melainkan jika sebelum tamat tempoh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (5), (6), (7) dan (8).

(4) Jika tiada tuntutan dibuat di bawah subseksyen (5) dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis yang disebut dalam subseksyen (3), kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita di bawah Enakmen ini hendaklah diambil dan disifatkan dilucuthakkan apabila habis tempoh itu.

(5) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa yang dalam milikannya kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu dipegang bahawa dia menuntut kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu.

(6) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (5) diterima, pegawai diberi kuasa itu hendaklah merujuk tuntutan itu kepada seorang Majistret.

(7) Majistret yang kepadanya suatu perkara dirujuk di bawah subseksyen (6) hendaklah mengeluarkan saman yang menghendaki —

- (a) orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu; dan
- (b) orang yang daripadanya kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu disita,

supaya hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau apabila mereka tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(8) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan dan bahawa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Majistret itu hendaklah memerintahkan supaya kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(9) Mana-mana kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya itu yang dilucuthakkan atau disifatkan dilucuthakkan hendaklah dihantARSERAHKAN kepada Suruhanjaya dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Majistret.

Kos bagi memegang kelengkapan, alat, dsb., yang disita

81. Jika apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita di bawah Enakmen ini dipegang dalam jagaan Kerajaan atau Suruhanjaya sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding yang berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati telah melakukan suatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar oleh orang itu kepada

Kerajaan atau Suruhanjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

82. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Enakmen ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relif lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Halangan

83. Mana-mana orang yang —

- (a) enggan memberikan mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis akses ke mana-mana premis yang pegawai diberi kuasa atau pegawai polis itu berhak kepadanya di bawah Enakmen ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Enakmen ini;
- (b) mengamang, menghalang, menggalang atau mengganggu mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis dalam melaksanakan kewajibannya yang dikenakan atau kuasanya yang diberikan oleh Enakmen ini;
- (c) enggan memberikan mana-mana pegawai diberi kuasa atau pegawai polis apa-apa maklumat yang berhubungan dengan suatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Enakmen ini atau apa-apa maklumat lain yang semunasabahnya boleh dikehendaki daripadanya dan yang ada dalam pengetahuan atau dalam kuasanya untuk

memberikannya; atau

(d) dengan disedarinya memberikan maklumat palsu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Pegawai diberi kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berhubungan dengan kesalahan

84. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh mendapatkan bantuan daripada mana-mana orang yang mempunyai kelayakan yang perlu untuk memeriksa kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita atau ditahan di bawah Enakmen ini bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah Enakmen ini.

Ganjaran untuk maklumat

85. Dalam hal sesuatu sabitan yang melibatkan denda, mahkamah yang mengenakan denda itu boleh, atas permohonan pegawai yang menjalankan pendakwaan, mengarahkan supaya dibayar kepada orang yang memberikan maklumat yang membawa kepada sabitan itu apa-apa bahagian denda itu tetapi tidak melebihi setengah daripada denda itu mengikut apa-apa perkadaran yang difikirkan patut oleh mahkamah itu.

BAHAGIAN XIII

AM

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

86. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan

di bawah Enakmen ini, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain pertubuhan perbadanan yang serupa atau yang berupa bertindak dalam apa-apa kapasiti sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian —

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajarnya dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan —
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah melakukan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Enakmen ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, orang itu boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan —

- (a) oleh pekerjaannya dalam tempoh pekerjaannya;
- (b) oleh ejen yang bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam tempoh pekerjaannya atau selainnya bagi pihak ejen itu.

Pengkompaunan kesalahan

87. (1) Ketua Pegawai Eksekutif boleh mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Enakmen ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Suruhanjaya suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran yang dibuat di bawah subseksyen (1) itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang diberikan oleh Suruhanjaya, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan kelengkapan, alat, artikel, buku, rekod, akaun, dokumen, barang, benda, pemasangan atau bahagiannya yang disita yang berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut olehnya.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Pendakwaan

88. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini kecuali oleh atau dengan kebenaran secara bertulis Pendakwa Raya.

Penalti am

89. (1) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(2) Mana-mana pertubuhan perbadanan yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Langkah berjaga-jaga semasa melaksanakan kerja

90. (1) Pelaksanaan semua kerja berkaitan dengan penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan atau pembekalan elektrik yang boleh menyentuh apa-apa lebu, rel keretapi, landasan trem, sungai, terusan atau laluan air lain atau apa-apa sistem pengairan, penyaliran atau bekalan air atau apa-apa kerja komunikasi, pelabuhan atau kerja awam atau persendirian lain, dan pendirian apa-apa lintasan talian bekalan, sama ada di atas atau bawah tanah, hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan dan tanpa menjejaskan keselamatan awam atau persendirian.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

Pengauditan pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik

91. (1) Suruhanjaya boleh menjalankan audit pada bila-bila masa atau pada apa-apa lat tempoh sebagaimana yang ditentukan olehnya dengan

menghendaki seseorang pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik untuk melantik dengan kos ditanggung sendiri seorang pakar bebas untuk mengaudit apa-apa perkara di bawah Bahagian IV dan keselamatan pemasangan dan kelengkapan di bawah Bahagian IX Enakmen ini atau apa-apa maklumat yang diberikan oleh pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik kepada Suruhanjaya.

(2) Audit hendaklah dijalankan dengan mengikut mana-mana kod, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Enakmen ini.

(3) Suruhanjaya boleh menentukan kelas atau kategori pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik yang tertakluk kepada audit.

(4) Pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik hendaklah membuktikan sehingga memuaskan hati Suruhanjaya bahawa pakar bebas itu yang disebut dalam subseksyen (1) mempunyai kelayakan dan kekompetenan yang perlu.

(5) Pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik itu hendaklah mengemukakan suatu salinan laporan audit itu kepada Suruhanjaya dalam masa yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(6) Pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik yang —

- (a) gagal memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 108;
- (b) dengan sengaja mengubah pinda, menyembunyikan atau memusnahkan apa-apa dokumen atau maklumat yang dia dikehendaki untuk mengemukakan melalui notis bertulis; atau
- (c) enggan untuk membantu atau memudahkan, atau menghalang

Suruhanjaya, pegawai diberi kuasanya atau perunding yang dilantik dalam menjalankan sesuatu pengauditan di bawah seksyen ini,

melakukan suatu kesalahan.

Penentuan standard pemasangan atau kelengkapan

92. Suruhanjaya boleh menentukan standard yang boleh dipakai bagi apa-apa pemasangan atau kelengkapan dan standard itu sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan, kod atau garis panduan yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

Penyimpanan rekod dan dokumen

93. Seseorang pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pengilang atau pengimport berdaftar, unit pendawaian persendirian berdaftar, kontraktor perkhidmatan elektrik berdaftar, kontraktor tanda elektrik berdaftar, pengilang papan suis berdaftar, kontraktor elektrik berdaftar, pusat atau institusi latihan dan pemeriksaan berdaftar dan badan penilaian pematuhan berdaftar hendaklah menyimpan rekod dan dokumen berkenaan dengan perkara dan bagi tempoh masa yang ditetapkan.

Gangguan elektrik terhadap talian pengisyarat Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan

94. (1) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa pengerjaan atau pengendalian apa-apa pemasangan, infrastruktur pemeteran, telepemeteran, aplikasi komunikasi atas talian bekalan, menyebabkan gangguan elektrik terhadap mana-mana proses atau litar komunikasi atau pengisyarat elektrik lain yang dipunyai atau dikendalikan oleh atau bagi pihak Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan, Suruhanjaya hendaklah meminta pemunya atau pemegang lesen memberhentikan gangguan itu, dan jika, dalam tempoh empat belas hari atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang

didapati munasabah oleh Suruhanjaya mengikut apa-apa hal keadaan tertentu gangguan itu tidak diberhentikan dengan berkesan, Suruhanjaya hendaklah melaporkan perkara itu kepada Menteri yang boleh menurut budi bicaranya —

- (a) dalam hal pemasangan berlesen, memerintahkan penggantungan lesen;
- (b) dalam hal pemasangan tidak berlesen, melalui perintah, melarang pengerjaan atau pengendalian pemasangan itu; atau
- (c) dalam hal mana-mana pemasangan lain, melalui perintah, melarang pengerjaan atau pengendalian apa-apa bahagian pemasangan itu yang menyebabkan gangguan elektrik itu,

sehinggalah perkiraan bagi menghalang berlakunya semula gangguan elektrik seperti yang disebut terdahulu telah dibuat sehingga memuaskan hati Suruhanjaya, dan jika, dalam hal pemasangan berlesen, tiada perkiraan sedemikian telah dibuat, Menteri boleh memerintahkan supaya lesen bagi pemasangan tersebut dibatalkan secara mutlak.

(2) Bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh pemegang lesen kerana penggantungan atau pembatalan lesen di bawah seksyen ini, pemegang lesen boleh menuntut pampasan daripada Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan syarat bahawa tiada tuntutan boleh dibenarkan dan tiada pampasan boleh dibayar jika gangguan elektrik yang disebut dalam subseksyen (1) telah disebabkan oleh suatu pemasangan yang tidak mematuhi mana-mana peraturan mengenai pengawalseliaan gangguan elektrik yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan telegraf yang sedang berkuat kuasa.

(3) Jika tuntutan itu dibenarkan, pampasan hendaklah, melainkan jika diselesaikan melalui persetujuan bersama di antara Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan pemegang lesen, ditentukan oleh mahkamah.

Langkah berjaga-jaga terhadap elektrik atmosfera

95. Mana-mana jabatan Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan atau mana-mana pengguna lain yang mengambil atau menggunakan elektrik daripada mana-mana pemasangan hendaklah, jika Suruhanjaya menghendaki sedemikian, menyediakan apa-apa kaedah bagi menghindarkan apa-apa risiko kerosakan kepada pemasangan itu melalui elektrik atmosfera sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya atau sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

Sekatan terhadap sambungan dengan bumi

96. (1) Tiada seorang pun boleh, semasa penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan atau penggunaan elektrik, membenarkan mana-mana bahagian talian bekalannya disambungkan dengan bumi kecuali sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini, yang diperuntukkan dalam kod yang berkaitan yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini atau dibenarkan dengan nyata oleh Suruhanjaya.

(2) Sekiranya berlaku pelanggaran subseksyen (1), Suruhanjaya boleh melalui perintah bertulis menghendaki pemegang lesen atau pemunya mengalihkan sambungan itu dan boleh melarang penggunaan mana-mana talian bekalan atau kerja atau pemasangan sehinggalah perintah itu dipatuhi, dan tiap-tiap perintah sedemikian hendaklah dipatuhi oleh orang berkenaan.

Tatacara dalam hal kecacatan berbahaya pada pemasangan atau bahagiannya

97. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), sekiranya Suruhanjaya mendapati bahawa ada apa-apa kecacatan pada mana-mana pemasangan atau bahagiannya yang pada pendapat Suruhanjaya berkemungkinan menyebabkan bahaya, Suruhanjaya boleh, melalui notis bertulis yang disampaikan kepada pemegang lesen atau pemunya, atau jika pemegang

lesen atau pemunya itu tidak dapat dijumpai, ditampalkan di tempat di mana pemasangan itu terletak, menghendaki kecacatan itu dibaiki atau dihapuskan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu, dan dalam hal sedemikian pemasangan itu atau bahagiannya tidak boleh dikendalikan atau digunakan selepas habisnya tempoh yang dinyatakan melainkan jika kecacatan itu telah dibaiki atau dihapuskan mengikut standard atau amalan penggunaan yang berhemat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Jika Suruhanjaya berpendapat bahawa kecacatan itu mungkin menyebabkan bahaya yang serta-merta, Suruhanjaya boleh, melalui notis yang ditampalkan atau disampaikan seperti yang disebut terdahulu, dengan serta-merta menggantung pengendalian dan penggunaan pemasangan itu, dan jika perlu, mengelak pemasangan itu atau bahagiannya sehingga kecacatan itu dibaiki atau dihapuskan dan pemasangan itu atau bahagiannya tidak boleh dikendalikan atau digunakan selagi notis penggantungan itu belum dibatalkan dan lak itu tidak dialihkan oleh pegawai diberi kuasa.

(3) Tiap-tiap pemegang lesen dan tiap-tiap pengurusan dan orang yang menjaga mana-mana pemasangan apabila menyedari apa-apa kecacatan padanya yang mungkin menyebabkan bahaya hendaklah dengan serta-merta membaiki atau menghapuskan kecacatan itu, dan tiap-tiap pengguna apabila menyedari apa-apa kecacatan pada apa-apa kelengkapan yang mungkin menyebabkan bahaya hendaklah dengan serta-merta membaiki atau menghapuskan kecacatan itu, atau membuat laporan mengenainya kepada Suruhanjaya.

(4) Jika pada pendapat Suruhanjaya bahawa apa-apa kecacatan pada pemasangan yang berkenaan dengannya sesuatu lesen berkuat kuasa adalah dari jenis yang tidak boleh dibaiki atau dihapuskan, Suruhanjaya hendaklah mengadakan suatu siasatan dan, jika didapati oleh Suruhanjaya perlu berbuat demikian, hendaklah membatalkan lesen itu.

(5) Pemegang lesen atau pemunya tidak berhak kepada pampasan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh pemegang lesen atau pemunya kerana penggantungan pengendalian dan penggunaan, dan pengelakan

apa-apa pemasangan atau bahagiannya atau kerana penggantungan atau pembatalan lesen di bawah seksyen ini.

(6) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi subseksyen (1), (2) dan (3) melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

Larangan mengambil kanak-kanak bekerja

98. (1) Tiada pemegang lesen atau pengurusan boleh mengambil kerja atau membenarkan diambil kerja mana-mana orang di bawah umur enam belas tahun dalam mana-mana perkhidmatan yang melibatkan pengurusan atau penjagaan atau kedekatan dengan kelengkapan hidup yang tidak ditebat dengan sempurna.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Pembangunan kod oleh Suruhanjaya dan pematuhan baginya

99. (1) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, membangunkan dan mengeluarkan kod yang berhubungan dengan penjanakuasaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik dan bagi keselamatan elektrik.

(2) Suruhanjaya boleh membangunkan dan mengeluarkan apa-apa kod tambahan sebagaimana yang disifatkannya patut dan suai manfaat atau sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Semua kod yang dibangunkan dan dikeluarkan menurut seksyen ini hendaklah berkuat kuasa hanya apabila didaftarkan oleh Suruhanjaya.

(4) Semua pemegang lesen dan pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik hendaklah mematuhi kod itu.

(5) Melainkan jika ditentukan selainnya oleh Suruhanjaya, dalam memastikan kebolehpercayaan, keselamatan dan keterjaminan rangkaian elektrik, kod yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah mengatasi mana-mana perjanjian yang mungkin wujud antara pihak-pihak yang disebut dalam subseksyen (4).

Penahanan dokumen oleh Suruhanjaya

100. (1) Mana-mana pemegang lesen atau pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik apabila diarahkan oleh Suruhanjaya hendaklah memberikan dokumen kepada Suruhanjaya, dan jika tidak berbuat demikian Suruhanjaya boleh mengambil milikan dokumen itu.

(2) Apa-apa dokumen yang diberikan atau yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) boleh ditahan seberapa lama yang perlu oleh Suruhanjaya.

(3) Orang yang selainnya berhak kepada milikan dokumen itu berhak untuk dibekalkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, dengan salinan yang diperakui oleh Suruhanjaya sebagai suatu salinan sah.

(4) Sehingga suatu salinan terperaku dibekalkan, Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya, membenarkan orang yang selainnya berhak kepada milikan dokumen itu atau orang yang diberi kuasa oleh orang itu, untuk memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada dokumen itu.

(5) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa penahanan dokumen itu tidak lagi diperlukan, Suruhanjaya boleh mengembalikan dokumen itu dengan secepat yang dapat dilaksanakan kepada orang yang memberikan dokumen itu di bawah subseksyen (1).

Garis panduan atau arahan oleh Suruhanjaya

101. (1) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan

garis panduan atau arahan mengenai apa-apa perkara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini kepada mana-mana pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pengilang atau pengimport berdaftar, orang kompeten atau mana-mana orang lain.

(2) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan apa-apa arahan secara bertulis kepada mana-mana pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pengilang atau pengimport berdaftar, orang kompeten atau mana-mana orang lain mengenai pematuhan atau ketidakpatuhan Enakmen atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen, syarat lesen, termasuk meremedikan pelanggaran syarat lesen atau mengenai apa-apa perkara lain yang menghendaki suatu arahan dibuat atau secara khususnya dibuat menjadi perkara arahan di bawah Enakmen ini mengikut apa-apa tatacara yang ditetapkan.

(3) Garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah didaftarkan dan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran itu atau apa-apa tarikh yang kemudian sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam garis panduan atau arahan itu.

(4) Seorang pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pengilang atau pengimport berdaftar, orang kompeten atau mana-mana orang lain hendaklah mematuhi garis panduan dan arahan itu.

Perubahan, kajian semula atau pembatalan kod, garis panduan atau arahan oleh Suruhanjaya

102. (1) Suruhanjaya boleh mengubah, mengkaji semula atau membatalkan apa-apa kod, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

(2) Tatacara yang dinyatakan dalam subseksyen 101(3) dan (4) hendaklah terpakai berkenaan dengan apa-apa perubahan, kajian semula atau pembatalan kod, garis panduan atau arahan itu.

Kesalahan bagi ketidakpatuhan kod, garis panduan atau arahan Suruhanjaya

103. Seseorang yang tidak mematuhi mana-mana kod, garis panduan atau arahan Suruhanjaya yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Daftar kod, garis panduan atau arahan

104. Suruhanjaya hendaklah menyenggara suatu daftar bagi semua kod, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Enakmen ini, termasuk apa-apa perubahan, kajian semula atau pembatalan kod, garis panduan atau arahan itu.

Kuasa khas darurat

105. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh apabila berlakunya apa-apa kerusuhan industri, mogok, sekat masuk atau apa-apa kejadian lain yang membangkitkan suatu darurat atau bagi kepentingan keselamatan awam, memberi kuasa Suruhanjaya untuk —

- (a) menggantung lesen mana-mana pemegang lesen, mengambil milikan sementara mana-mana pemasangan pemegang lesen itu dan mengendalikannya mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya; atau
- (b) menarik balik sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya penggunaan mana-mana pemasangan atau kemudahan daripada mana-mana orang atau golongan orang atau daripada orang awam pada umumnya.

(2) Jika apa-apa keraguan berbangkit tentang kewujudan sesuatu darurat atau sama ada apa-apa tindakan yang dilakukan di bawah subseksyen (1) adalah bagi kepentingan keselamatan awam, suatu perakuan yang

ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dan dipamerkan di mana-mana tempat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri, hendaklah menjadi bukti konklusif mengenai perkara itu.

Kuasa untuk mengisytiharkan sumber air

106. (1) Tertakluk pada peruntukan Enakmen Sumber Air Sabah 1998 [*No. 6 tahun 1998*], Menteri boleh, atas permintaan Suruhanjaya bagi pihak mana-mana pemegang lesen, melalui perintah, mengisytiharkan mana-mana tasik, sungai atau laluan air atau mana-mana bahagiannya sebagai sumber air bagi maksud pemegang lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam terma dan syarat lesennya dan, apabila membuat perisytiharan itu, Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkannya patut.

(2) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, tiada seorang pun boleh mengempangkan atau selainnya mengganggu mana-mana sumber air sedemikian tanpa terlebih dahulu menyampaikan kepada pemegang lesen sama ada secara sendiri atau melalui pos berdaftar suatu notis tiga bulan, dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan, yang menyatakan kerja yang hendak diusahakannya.

(3) Pada bila-bila masa sebelum habisnya tempoh masa yang dinyatakan dalam notis itu, pemegang lesen boleh, jika dia mendapati kerja yang disebut dalam subseksyen (2) akan mengganggu secara material fungsinya, melalui notis bertulis yang disampaikan kepada orang itu, sama ada secara sendiri atau melalui pos berdaftar —

- (a) melarang orang itu meneruskan kerja itu; atau
- (b) mengenakan syarat ke atas perusahaan kerja itu oleh orang itu.

(4) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh pemegang lesen di bawah subseksyen (3) boleh merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(5) Mana-mana orang yang —

- (a) mengempangkan atau selainnya mengganggu mana-mana sumber air yang diisytiharkan di bawah subseksyen (1) tanpa menyampaikan notis yang dikehendaki oleh subseksyen (2);
- (b) mengusahakan apa-apa kerja yang dilarang di bawah seksyen ini; atau
- (c) tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(6) Walau apa pun apa-apa perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1), tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh apa-apa lesen yang diberikan tidak kurang daripada dua puluh lima tahun sebelum tarikh perisytiharan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk melencongkan air dari mana-mana tasik, sungai atau laluan air, bagi maksud suatu pemasangan awam, yang pemegangnya belum, pada pendapat Menteri, menggunakan dengan munasabah hak yang berbangkit daripada lesen yang berkaitan dengan mana-mana tasik, sungai, laluan air atau bahagiannya yang diisytiharkan sebagai sumber air bagi maksud pemasangan itu.

Jaminan maklumat infrastruktur bekalan

107. (1) Mana-mana pemegang lesen sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya yang menyediakan bekalan elektrik kepada pengguna hendaklah bertanggungjawab bagi memelihara kerahsiaan, keutuhan dan ketersediaan maklumatnya, sistem maklumat dan infrastruktur rangkaian sokongan yang berkenaan dengan kewajipannya dan perkara-perkara lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini.

(2) Pemegang lesen hendaklah —

- (a) mengambil langkah-langkah yang perlu, mewujudkan dan melaksanakan standard dan menggunakan kawalan jaminan maklumat yang berkaitan untuk menghalang, mengelakkan, meremedikan, mendapatkan kembali atau meletakkan semula maklumat, dokumen, alat atau rekodnya yang disimpan dalam komputernya dan bagi sistem pengendalian komputernya daripada apa-apa risiko —
 - (i) ancaman atau akses tanpa kebenaran; dan
 - (ii) gangguan atau penyingkiran;
- (b) mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan ketahanan infrastruktur rangkaian sokongannya untuk mengurangkan impak perniagaan terhadap pelbagai ancaman kepada aktiviti di bawah lesen; dan
- (c) memastikan bahawa kebolehpercayaan, keberterusan dan kualiti bekalan elektrik, pelaksanaan kewajibannya dan kepatuhan kepada peruntukan Enakmen ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini tidak terjejas,

dan hendaklah melaporkan kepada Suruhanjaya dalam masa yang dinyatakan oleh Suruhanjaya, dan sekiranya berlaku apa-apa kejadian yang mengganggu atau menjejaskan pelaksanaan aktiviti di bawah lesen, melaporkan kejadian itu dengan segera kepada Suruhanjaya dan pihak berkuasa lain yang berkaitan.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi, mengabaikan untuk mematuhi atau melanggar mana-mana peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud seksyen ini —

“kawalan jaminan maklumat” merujuk kepada cara pengurusan risiko, termasuk dasar, tatacara, garis panduan, amalan atau struktur organisasi, yang boleh daripada jenis pentadbiran, teknikal, pengurusan atau perundangan;

“ketahanan” ertinya kebolehan sesuatu organisasi untuk menahan daripada terjejas oleh sesuatu kejadian; dan

“infrastruktur rangkaian sokongan” merujuk kepada sambungan yang berkaitan, peranti rangkaian, perkakasan dan perisian yang menyediakan perkhidmatan rangkaian dalam menyokong fungsi perniagaan.

Obligasi untuk memberikan maklumat

108. (1) Suruhanjaya boleh memberi kuasa mana-mana pegawainya untuk mendapatkan apa-apa maklumat berkenaan dengan pemegang lesen atau mana-mana orang lain di bawah Enakmen ini dan hendaklah diberi capaian kepada apa-apa maklumat sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuasa untuk menghendaki pengemukaan rekod, akaun, data, data berkomputer dan dokumen yang disimpan oleh pemegang lesen atau mana-mana orang lain dan untuk memeriksa, meneliti dan memuat turun daripadanya, membuat salinannya atau mengambil cabutan daripadanya.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “capaian” termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer difahami.

(4) Mana-mana orang yang enggan memberikan apa-apa maklumat yang dengan munasabahnya mungkin dikehendaki daripadanya di bawah subseksyen (1) dan yang ada dalam pengetahuannya atau dalam kuasanya untuk memberikan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila

disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian

109. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengecualikan daripada mana-mana atau semua peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat atau kod yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan —

- (a) apa-apa pemasangan atau bahagiannya yang dipunyai oleh atau dikerjakan oleh atau bagi pihak pemegang lesen; atau
- (b) apa-apa kelas pemasangan, loji atau kelengkapan tertentu lain,

dan boleh, melalui pemberitahuan yang seumpamanya, membatalkan apa-apa pengecualian yang diberitahu sedemikian.

(2) Suruhanjaya boleh mengesyorkan kepada Menteri syarat yang boleh terpakai bagi suatu pengecualian yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(3) Kecuali diperuntukkan selainnya dalam pengecualian itu, suatu pengecualian di bawah subseksyen (1) boleh diubah atau dibatalkan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

110. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan mana-mana perkara yang ditetapkan di bawah Enakmen ini dan khususnya —

- (a) tatacara bagi Suruhanjaya dalam menjalankan fungsi, kewajipan dan kuasanya di bawah Enakmen ini;
- (b) lat-lat tempoh, waktu dan cara bagaimana apa-apa pemasangan atau kelengkapan hendak diperiksa, notis (jika ada) yang hendak

diberikan berhubung dengan pemeriksaan dan persediaan yang hendak dibuat oleh pemegang lesen atau mana-mana pengurusan bagi pemeriksaan;

- (c) standard dan spesifikasi minimum yang hendaklah digunakan dalam reka bentuk, pembinaan, perlindungan dan penyenggaraan pemasangan dan kelengkapan, syarat yang di bawahnya apa-apa pemasangan atau kelengkapan hendak dikerjakan atau dikendalikan dan larangan ke atas penggunaan kelengkapan berbahaya;
- (d) cara bagaimana elektrik hendak disukat dan standard sukatan yang hendaklah digunakan dan cara bagaimana elektrik dibenarkan untuk, atau dilarang daripada dibekalkan atau digunakan;
- (e) standard yang hendak diterima pakai bagi pengukuran dimensi mana-mana pemasangan atau kelengkapan;
- (f) cara pengawalseliaan dan had perubahan jenis, voltan dan frekuensi elektrik yang dibekalkan;
- (g) kelas atau reka bentuk dawai, lekapan dan kelengkapan yang hendaklah digunakan dan cara bagaimana dawai, lekapan dan kelengkapan itu hendaklah didirikan, dipasang, disusun, dilindungi, dikawal, diperiksa, diuji dan disenggarakan;
- (h) fi yang kena dibayar bagi lesen dan Perakuan Pendaftaran pemasangan dan apa-apa fi lain yang dikehendaki untuk ditetapkan di bawah Enakmen ini;
- (i) bentuk dan tempoh kesahan Perakuan Pendaftaran dan syarat bagi penggantungan, pelanjutan dan pembatalan Perakuan Pendaftaran;
- (j) kelayakan minimum yang perlu dimiliki oleh seseorang sebelum dia boleh diamanahkan dengan perekabentukan, pembinaan, pendirian, pengujian, pengendalian, penyenggaraan, pembaikan atau pengubahpindaan apa-apa pemasangan, loji atau

kelengkapan atau dengan jagaan, kawalan atau kendalian mana-mana pemasangan, loji atau kelengkapan;

- (k) jenis ujian yang hendak digunakan bagi menentukan sama ada mana-mana orang memiliki kelayakan perlu yang ditetapkan bagi maksud kawalan kompeten dan maksud lain, dan pengeluaran, penggantungan atau pembatalan perakuan kekompetenan, dan untuk menetapkan fi yang kena dibayar bagi ujian dan perakuan sedemikian;
- (l) pendaftaran dan pengelasan unit pendawaian persendirian, kontraktor elektrik, kontraktor perkhidmatan elektrik, kontraktor pembaikan elektrik, kontraktor tanda elektrik, pengilang papan suis dan orang kompeten, dan untuk menetapkan fi bagi pendaftaran sedemikian;
- (m) langkah-langkah yang hendak diambil dan kelengkapan yang hendak dibekalkan dan digunakan berkaitan dengan pemasangan untuk menjamin keselamatan awam dan persendirian;
- (n) langkah berjaga-jaga yang hendaklah diambil apabila menggantikan mana-mana orang yang mengawal apa-apa pemasangan, loji atau kelengkapan dan cara memberitahu Suruhanjaya mengenai nama dan kelayakan mana-mana orang yang ditempatkan untuk mengawal mana-mana pemasangan dan mengenai pengendalian mana-mana loji atau kelengkapan;
- (o) cara mengira keupayaan apa-apa sistem, pemasangan, kelengkapan, kabel, unit jana kuasa atau motor;
- (p) cara menentukan pertikaian dan mengadakan siasatan di bawah Enakmen ini;
- (q) bentuk notis dan cara penyampaiannya;
- (r) taksiran dan kelulusan, jika perlu, bagi apa-apa kelengkapan domestik atau kelengkapan lain yang hendak dikilangkan, diimport, dipamerkan, dijual, diiklankan, dipasang atau digunakan dan untuk menetapkan fi yang kena dibayar mengenainya;

- (s) peruntukan bagi pemegang lesen mengenai perkara yang berkenaan dengan —
 - (i) pemeriksaan mana-mana pemasangan atau bahagiannya;
 - (ii) pendirian dan pemasangan lampu awam;
 - (iii) pemotongan pembekalan elektrik; dan
 - (iv) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengannya;
- (t) pengemukaan penyata kewangan dan laporan teraudit oleh pemegang lesen;
- (u) cara pelaksanaan kerja yang berkaitan dengan penjanakuasaan atau pembekalan elektrik tanpa menjejaskan keselamatan awam atau persendirian;
- (v) kaedah-kaedah yang hendak diterima pakai, sama ada melalui larangan atau selainnya, untuk mencegah atau memberhentikan apa-apa kacau ganggu yang mungkin berbangkit atau yang berbangkit daripada pengerjaan mana-mana pemasangan, loji atau kelengkapan;
- (w) fi yang kena dibayar berkenaan dengan pemeriksaan, pengujian dan penyenggaraan pemasangan dan radas pengguna, berkenaan dengan pemasangan dan pengujian meter, dan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan dengan sewajarnya kerana pengguna;
- (x) pengawalseliaan perhubungan antara pemegang lesen dan pengguna, misalnya peruntukan mengenai mendapatkan kembali caj bagi pembekalan elektrik termasuk apa-apa surcaj bagi pembayaran lewat, faedah tahunan yang kena dibayar oleh seseorang pemegang lesen kepada mana-mana orang bagi apa-apa cagaran yang diberikan dan apa-apa kadar atau syarat yang berkaitan dengannya, penyambungan, pemotongan atau pemulihan bekalan elektrik oleh pemegang lesen, kemasukan ke dalam mana-mana premis oleh pemegang lesen atau pegawai diberi kuasanya bagi maksud yang berhubungan dengan

- pembekalan, penyambungan, pemotongan atau pemulihan bekalan, kemasukan bagi maksud menggantikan, membaiki atau mengubah pinda mana-mana talian elektrik atau loji atau kelengkapan elektrik dan bentuk apa-apa notis yang dikehendaki;
- (y) standard, spesifikasi, amalan dan langkah yang hendaklah diterima pakai dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan penggunaan elektrik dengan cekap;
 - (z) standard, spesifikasi, amalan dan langkah yang hendaklah diterima pakai dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan kualiti kuasa;
 - (aa) perkara yang berhubungan dengan pemetaran, pemetaran prabayar, infrastruktur pemetaran, telepemetaran, kelengkapan, produk elektrik dan kelengkapan elektrik pengguna;
 - (bb) perkara yang berhubungan dengan penggunaan talian bekalan bagi maksud komunikasi sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 67;
 - (cc) berkenaan dengan import dan pengilangan kelengkapan elektrik pengguna, pendaftaran pengimport dan pengilang dan badan penilaian pematuhan yang berkenaan dengan kelengkapan elektrik pengguna, pusat atau institusi latihan dan pemeriksaan dan menetapkan fi pendaftaran sedemikian;
 - (dd) perkara yang berhubungan dengan Kumpulan Wang Elektrik;
 - (ee) perkara yang berhubungan dengan pelesenan di bawah Enakmen;
 - (ff) semua fungsi, kewajipan dan tanggungjawab Pengendali Sistem dan Pembeli Tunggal;
 - (gg) semakan pelan pengurusan keselamatan dan program pengurusan keselamatan dan bagi audit pemegang lesen dan pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik;
 - (hh) fi yang kena dibayar berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap oleh kelengkapan dan kelulusannya;

- (ii) perkara yang berhubungan dengan pendaftaran orang yang menyediakan perkhidmatan yang berhubungan dengan penggunaan elektrik dengan cekap dan pembayaran fi bagi memproses permohonan dan pendaftaran;
- (jj) perkara dan tempoh masa penyimpanan rekod dan dokumen; dan
- (kk) apa-apa perkara lain yang pada amnya bagi menguatkuasakan peruntukan Enakmen ini.

(2) Mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya, bagi kesalahan itu.

BAHAGIAN XIV

KECUALIAN DAN PERALIHAN

Kecualian dan peralihan

111. (1) Bagi maksud seksyen ini, “Akta” ertinya Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*].

(2) Apa-apa perintah, kod, garis panduan, arahan atau pemberitahuan yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Akta dan berkuat kuasa atau mempunyai kesan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Enakmen ini dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan berhubung dengan orang yang kepadanya perintah, kod, garis panduan, arahan atau pemberitahuan itu terpakai sehingga dipinda atau dibatalkan.

(3) Apa-apa permohonan, kelulusan, lesen, perakuan, pendaftaran, persetujuan, keputusan, kebenaran, spesifikasi, syor, kehendak atau

tindakan eksekutif lain yang diberikan atau dilakukan di bawah Akta yang berkuat kuasa atau mempunyai kesan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah disifatkan telah diberikan atau dilakukan di bawah Enakmen ini dan hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan berhubung dengan orang yang kepadanya permohonan, kelulusan, lesen, perakuan, pendaftaran, persetujuan, keputusan, kebenaran, spesifikasi, syor, kehendak atau tindakan eksekutif itu terpakai sehingga dipinda atau dibatalkan.

(4) Apa-apa rayuan kepada Menteri yang belum selesai di bawah seksyen 18 Akta dan perundangan subsidiarinya hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Akta itu.

(5) Apa-apa permohonan, kelulusan atau keputusan yang belum selesai yang dibuat di bawah Akta sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah diuruskan oleh Suruhanjaya di bawah Enakmen ini.

(6) Semua transaksi, sekuriti kewangan, urus niaga, perjanjian, surat wakil kuasa atau perkiraan yang disempurnakan atau dibuat dengan sah dan semua perniagaan yang dijalankan dengan sah di bawah Akta dengan mana-mana orang hendaklah disifatkan telah disempurnakan, dibuat atau dijalankan dengan sah dan menurut undang-undang di bawah Enakmen ini.

(7) Enakmen ini tidak akan menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk disiasat, didakwa atau dihukum atas kesalahan yang dilakukan di bawah Akta sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

(8) Apa-apa prosiding undang-undang, pendakwaan jenayah atau penyiasatan yang belum selesai hendaklah diteruskan di bawah Akta yang di bawahnya prosiding itu dimulakan seolah-olah Enakmen ini tidak diperbuat.

(9) Apa-apa fi yang ditetapkan yang telah dibayar bagi apa-apa permohonan di bawah Akta atau perundangan subsidiarinya sebelum sahaja tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini tidak akan dibayar balik.

Projek sedia ada

112. (1) Kerajaan Persekutuan hendaklah terus mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan projek mengenai elektrik dan perkara berhubung dengannya, yang ada sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, sebagaimana yang dinyatakan di ruang (1) dan di lokasi yang dinyatakan di ruang (2) Jadual Keempat.

(2) Apa-apa penyimpangan daripada perihalan projek dalam ruang (1) Jadual Keempat tidak akan membatalkan atau menjejaskan kesahan pelaksanaannya setakat mana penyimpangan itu tidak mempunyai kesan yang besar dan tidak dianggap mengelirukan.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 19(3)]

ENAKMEN BEKALAN ELEKTRIK 2024

NOTIS CADANGAN MEMASUKI DAN MELAKUKAN KERJA ATAS TANAH BUKAN MILIK KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 19

Kepada:

Hakmilik atau perihal lain tanah

Sila ambil perhatian bahawa saya/kami yang beralamat di ialah pemegang lesen yang bertarikh di bawah Enakmen Bekalan Elektrik 2024 berhasrat memasuki tanah yang tersebut di atas bagi maksud (*di sini nyatakan dengan sepenuhnya dan setepatnya yang mungkin apa yang dicadangkan hendak dilakukan*).

Dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan notis ini anda boleh menyerahkan suatu bantahan secara bertulis kepada Pemungut di.....

Pemungut telah menentukan..... sebagai hari yang bantahan itu akan didengar.

Melainkan jika anda menyerahkan suatu bantahan dalam masa yang dinyatakan, menjadi anggapan bahawa anda telah mengizinkan kemasukan saya/kami ke tanah itu mengikut terma notis ini.

Anda akan dibayar pampasan yang sepatutnya bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan.

Bertarikh..... hari bulan 20.....

.....
Pemegang lesen

JADUAL KEDUA
[Subseksyen 19(8)]

ENAKMEN BEKALAN ELEKTRIK 2024

*PERINTAH PEMUNGUT BERKENAAN DENGAN BANTAHAN TERHADAP
KEMASUKAN ATAS TANAH BUKAN MILIK KERAJAAN*

Kepada:

Dalam hal sesuatu siasatan yang diadakan di bawah subseksyen 19(7) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 di antara pemegang lesen dengan pemunya tanah yang terletak di Lot No....., Hakmilik No....., Daerah.....

Suatu siasatan telah diadakan pada.....
di hadapan..... Pemungut.....dalam
kehadiran..... bagi pihak pemegang lesen dan.....bagi
pihak pemunya tanah.

Selepas mengadakan siasatan, dengan ini diperintahkan seperti yang berikut:

- *(a) pemegang lesen dibenarkan memasuki tanah tersebut untuk melakukan kerja sebagaimana yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 19(3) Enakmen Bekalan Elektrik 2024.
- *(b) pemegang lesen dibenarkan memasuki tanah tersebut untuk melakukan kerja sebagaimana yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 19(3) Enakmen Bekalan Elektrik 2024 tertakluk kepada syarat yang berikut:
 - (i)
 - (ii)
 - (iii)
 - (iv)

(nyatakan syarat)

- *(c) pemegang lesen tidak dibenarkan memasuki tanah tersebut untuk melakukan kerja yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen

19(3) Enakmen Bekalan Elektrik 2024.

Bertarikh..... hari bulan..... 20.....

.....
Pemungut

**potong mana-mana yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

[Subseksyen 24(1)]

ENAKMEN BEKALAN ELEKTRIK 2024

PENAKSIRAN

Kepada:

Dalam hal siasatan bagi pembayaran pampasan di bawah seksyen 19* atau 21* Enakmen Bekalan Elektrik 2024 antara pemegang lesen dengan pemunya tanah yang terletak di Lot No....., Hakmilik No....., Daerah.....

Suatu siasatan telah diadakan pada.....di hadapan.....Pemungut.....dalam kehadiran..... bagi pihak pemegang lesen dan..... bagi pihak pemunya tanah.

Selepas mengadakan siasatan, adalah dengan ini diperintahkan bahawa pampasan yang kena dibayar oleh pemegang lesen kepada pemunya tanah adalah seperti yang berikut:

Bertarikh..... hari bulan..... 20.....

.....
Pemungut

**potong mana-mana yang tidak berkenaan*

JADUAL KEEMPAT
[Seksyen 112]

<i>(1)</i> <i>Projek</i>	<i>(2)</i> <i>Lokasi</i>
1. Projek Pengukuhan Sistem Penghantaran Elektrik Melalui Pembinaan Punca 132kV Bagi Pencawang Masuk Utama Tg. Lipat, Kota Kinabalu, Sabah	Tg. Lipat, Kota Kinabalu
2. Projek Pengukuhan Sistem Penghantaran Melalui Pembinaan Pencawang Masuk Utama 132kV Kota Kinabalu, Sabah	Kota Kinabalu
3. Projek Pengukuhan Sistem Penghantaran Elektrik Melalui Pembinaan Punca 132kV Bagi Pencawang Masuk Utama Apas, Tawau, Sabah	Apas, Tawau
4. Projek Penghantaran - 132/33/11kV PMU UMS, 2X90Mva, Sabah	Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu
5. Projek Penghantaran - 132/33/11kV PMU Penampang 2X90Mva, Sabah	Penampang
6. Projek Pembahagian - PPU Kuhara (Sj Tawau), Tawau, Sabah	Tawau
7. Projek Pembahagian - SSU Pirasan, Kota Belud, Sabah	Kota Belud
8. (1) Projek Pembahagian - PPU Sri Indah Dan Menaik Taraf Sistem 33kV & 11kV Di PPU Wakuba Tawau	Wakuba, Tawau
9. (2) Menyiapkan Baki Kerja Projek Pembahagian - Pembinaan PPU Sri Indah Dan Menaik Taraf Sistem 33kV & 11kV Di PPU Wakuba, Tawau, Sabah.	Wakuba, Tawau
10. Projek Penghantaran: 132/33/11kV PMU Inanam, Kota Kinabalu, Sabah	Inanam
11. Projek Penghantaran: 132/33kV PMU Bukit Nenas, Sandakan, Sabah	Bukit Nenas, Sandakan
12. (1) Projek Pembahagian: PPU Gudon/ Telipok, Kota Kinabalu, Sabah	Gudon/ Telipok, Kota Kinabalu
13. (2) Menyiapkan Baki Kerja Projek Pembahagian: PPU Gudon/ Telipok, Kota Kinabalu, Sabah	Gudon/ Telipok, Kota Kinabalu

- | | | |
|-----|--|-------------------------|
| 14. | Projek Pembahagian - PPU Batu Sapi, Sandakan | Batu Sapi, Sandakan |
| 15. | Projek Pembahagian: PPU Tambalugu, Tuaran, Sabah | Tambalugu, Tuaran |
| 16. | Projek Pembahagian: Pengubahan Punca Bekalan PPU Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah | Sembulan, Kota Kinabalu |
| 17. | Projek Pembahagian: Pengubahan Punca Bekalan PPU Sipitang, Sipitang, Sabah | Sipitang, Sipitang |
| 18. | Projek Pembahagian:
Menaiktaraf Sistem 33kV & 11kV Di PPU Tshun Nyen, PPU Sim-Sim Dan SSU Sibuga, Sandakan, Sabah | Sibuga, Sandakan |
| 19. | Projek Pembahagian: Penambahbaikan Kapasiti Transformer PPU Sri Perdana dan Pembinaan PPU First Palm City, Lahad Datu, Sabah | Sri Perdana |
| 20. | Projek Penghantaran: 132/33/11kV PMU Karamunsing, Kota Kinabalu, Sabah | Karamunsing |
| 21. | Projek Penghantaran : Labuan – Sipitang 132kV Interconnector (Phase 1 Upgrading Pmu Beaufort To 275kV) Pakej 1

- Menaiktaraf Talian Penghantaran Beaufort – Papar Ke 275kV, Pmu Papar Dan PPU Beaufort (Reka Dan Bina) - (Peringkat Penilaian Tender Untuk Lantikan Kontraktor) | Papar dan Beaufort |
| 22. | Projek Penghantaran : Labuan-Sipitang Interconnector Pakej 2: Projek Sambungtara Sabah Dan Sarawak (Reka & Bina) | Labuan - Sipitang |
| 23. | Projek Penghantaran : Menaiktaraf 132kV Stesen Tenom 3X30Mva | Tenom |
| 24. | Projek Penghantaran: Menaiktaraf PMU Dam Road, Lahad Datu, Sabah Kepada 275kV Dan Menaiktaraf SSU Dam Road, Lahad Datu, Sabah Kepada 132/33/11kV (Reka & Bina) | Lahad Datu |
| 25. | Projek Pembahagian – Mengukuhkan Sistem 33kV Dan 11kV Di Kota Kinabalu, Sabah | Kota Kinabalu |

-
- | | | |
|-----|--|-----------------------|
| 26. | Projek Pembahagian - Sistem Pengukuhan 11kV Di Labuan, Sabah | Labuan |
| 27. | Projek Pembahagian - Penambahbaikan Sistem 33kV Di Kota Marudu Dan Pitas, Sabah | Kota Marudu dan Pitas |
| 28. | Projek Pembahagian – PPU Sook 33/11kV, Keningau | Keningau |
| 29. | Projek Pembahagian – PPU Ranau 33/11kV, Ranau | Ranau |
| 30. | Projek Pembahagian – Penambahan Punca Bekalan PPU Kundasang | Kundasang |
| 31. | Projek Pembahagian - Penambahan Kapasiti 33/11kV Di Sipitang, Sabah | Sipitang |
| 32. | Projek Pengukuhan Sistem Pembahagian Elektrik Melalui Pembinaan PPU Donggongan 33kV/11Kv, Kota Kinabalu, Sabah (Reka dan Bina) | Donggongan |
| 33. | Projek Pengukuhan Sistem Pembahagian Elektrik Melalui Pembinaan PPU Kent 33kV/11kV, Tuaran, Sabah | Tuaran |
| 34. | Projek Pengukuhan Sistem Pembahagian Elektrik Melalui Pembinaan PPU Menggatal 33kV/11kV, Kota Kinabalu, Sabah | Kota Kinabalu |
| 35. | Projek Pengukuhan Sistem Pembahagian Melalui Rehabilitasi PPU 33/11kV Kayul, Kuala Penyu, Sabah | Kayul, Kuala Penyu |
| 36. | Projek Pengukuhan Sistem Pembahagian Melalui Rehabilitasi PPU 33/11kV Limbawang, Beaufort, Sabah | Limbawang, Beaufort |
| 37. | Projek Pengukuhan Sistem Pembahagian Melalui Rehabilitasi PPU 33/11kV Lakut, Papar, Sabah | Lakut, Papar |
| 38. | Projek Post Blackout - Protection On-Line Monitoring | Beaufort dan Labuan |
| 39. | Projek Pengukuhan Sistem Pembahagian Melalui Pembinaan PPU Likas 33kV/11kV, Kota Kinabalu, Sabah | Kota Kinabalu |

40.	Projek Pengukuhan Sistem Penghantaran Melalui Penambahan Kapasiti Transformer 15MVA Di PMU Segaliud, Sandakan, Sabah	Segaliud, Sandakan
41.	Projek Pembahagian - PPU Bukit Nenas, Sandakan, Sabah	Bukit Nenas, Sandakan
42.	Projek Post Blackout - Scadarization Of All PMU/PPU (26 Nos) And Power Stations (3 Nos)	-
43.	Projek Pembahagian: Pengubahan Punca Bekalan PPU Mowtas Dan PPU Permai, Sandakan, Sabah	Mowtas dan Permai, Sandakan
44.	Projek Pembahagian - Change Of Supply Source At PPU Nabawan	Nabawan
45.	Projek Post Blackout - Transmission Lines, Tower And Cable Improvement, Sabah	-
46.	Establish N-1 For Optical Fibre (OPGW) For East-West Interconnection Link	-
47.	Fiber Monitoring And Management System (FMMS) Secara Reka Bina	-
48.	For East Coast Communication Network PPU Kubota To PPU Wakuba	Wakuba
49.	Relocation Of GTM Lm2500 Melawa To Lahad Datu, Sabah	Stesen Janakuasa Sandakan
50.	Kerja-Kerja Major Overhaul 5 Unit Genset Stesen Kecil Ranau Termasuk Sistem Terlibat	Ranau
51.	Penambahbaikan 3x8MW Bersama Penggantian Radiator Stesen Jana Kuasa Tawau	Tawau
52.	Project Post Blackout - Short Term To Long Term Support (Canopy Gensets At Pasir Putih, POIC And Labuk)	Pasir Putih, POIC dan Labuk
53.	Projek Pengukuhan Sistem Penghantaran Melalui Pembinaan Talian 275kV dari Upper Padas ke Kalumpang, Tawau (Southern Link) dan Sambungtara Transborneo	Upper Padas ke Kalumpang, Tawau
54.	Projek Pengukuhan Sistem Penghantaran Melalui Pembinaan Talian 132kV dari PMU Dam Road ke PMU Warisan	Dam Road ke Warisan, Lahad Datu

55.	Kajian Pefeasibility dan Feasibility Potensi Hidro di Negeri Sabah - Padas River (PD.03)	Sg. Padas
56.	Kajian Pefeasibility dan Feasibility Potensi Hidro di Negeri Sabah - Padas River (PD.08)	Sg. Padas
57.	Kajian Pefeasibility dan Feasibility Potensi Hidro di Negeri Sabah - Padas River (PD.09)	Sg. Padas
58.	Kajian Pefeasibility dan Feasibility Potensi Hidro di Negeri Sabah - Liwagu River (LW.05)	Sg. Liwagu
59.	Kajian Pefeasibility dan Feasibility Potensi Hidro di Negeri Sabah - Waru River (WC.05)	Sg. Waru
60.	Kajian Pefeasibility dan Feasibility Potensi Hidro di Negeri Sabah - Padas River (PD.14)	Sg. Padas
61.	Kajian Pefeasibility dan Feasibility Potensi Hidro di Negeri Sabah - Liwagu River (LW.06)	Sg. Liwagu

DIPERAKUKAN oleh saya sebagai salinan Rang Undang-Undang yang tulen yang telah diluluskan oleh Majlis Dewan Undangan pada hari Rabu, 3 Januari 2024.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI KADZIM BIN HAJI M. YAHYA,
Speaker,
Dewan Undangan Negeri.